**Rasuah, siasat 'pemimpin aktif' pembangkang** MS 3

**Salinan Akuan Bersumpah Phang Li Koon** MS 14 & 15



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 31 MAC, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# KM minta Shabudin ulangi tuduhan di luar Parlimen

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Seperti dijangka, Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Shabudin Yahaya tidak muncul di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang untuk bersemuka satu sama satu dengan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini pada 20 Mac lalu.

Susulan itu, Guan Eng meminta Shabudin untuk mengulangi tuduhannya dalam Dewan Rakyat mengenai pembelian rumah semurah RM2.8 juta, di luar Parlimen.

"Saya ingin meminta beliau (Shabudin) mengulangi tuduhan rasuah yang beliau buat terhadap saya secara peribadi di dalam Parlimen, di luar, supaya saya boleh mengambil tindakan saman malu kepada beliau," katanya pada sidang media di Komtar tepat jam 11.00 pagi hari berkaitan.

Guan Eng memberitahu, Shabudin pada 17 Mac di Parlimen telah membuat tuduhan terhadap beliau bahawa terlibat dalam amalan rasuah berkaitan pembelian rumahnya yang berusia 30 tahun, dengan penjualan sebidang tanah Kerajaan Negeri di Taman Manggis.

"Saya telah membeli rumah, yang dibina pada awal 1980an, pada 28 Julai 2015. Implikasi tuduhan rasuah Datuk Shabudin (Shabudin) terhadap saya ialah, harga pembelian rumah saya adalah murah, untuk membolehkan syarikat yang ada hubungan dengan si penjual rumah, memperoleh tanah Kerajaan Negeri di Taman Manggis dengan harga murah.

"Soal pokok tuduhan rasuah terhadap saya ialah adakah saya mengaturkan penjualan tanah kerajaan dengan harga murah supaya saya boleh beli rumah saya dengan harga murah.

"Tuduhan ini adalah satu fitnah jahat yang tidak berasas kerana:-

1. Pembelian rumah saya sebanyak RM2.8 juta dibiayai oleh pinjaman bank sebanyak RM2.1 juta dan baki wang tunai RM700,000 daripada elaun pendapatan saya sebagai Ketua Menteri dan wakil rakyat;
2. Penjualan tanah Kerajaan Negeri dijalankan dengan tender terbuka dan pembeli dipilih berdasarkan tawaran harga yang paling tinggi;
3. Jawatankuasa Tender Negeri tidak dipengerusikan oleh saya dan mematuhi semua peraturan Kerajaan Negeri yang ditetapkan;
4. Penjual rumah kepada saya tidak terlibat dengan syarikat yang memenangi tender tanah Kerajaan Negeri, bukanlah pemegang saham ataupun ahli lembaga pengarah. Penjual rumah juga bukanlah pemaju perumahan;
5. Ketua Bahagian UMNO Bagan Shaik Hussein Mydin pada 19 Ogos 2015 telah meminta maaf secara lisan kepada saya di depan Hakim Mahkamah Tinggi sebanyak dua kali, dan menarik balik kenyataan fitnah di mahkamah bahawa saya terima wang rasuah daripada pembeli tanah Kerajaan Negeri tersebut," jelas beliau.




**SHABUDIN Yahaya tidak muncul di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang untuk bersemuka satu sama satu di sini pada 20 Mac lalu.**

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, sebelum ini, portal online *MalaysiaKini* melaporkan bahawa Shabudin mengaitkan pembelian rumah beliau dengan tanah Kerajaan Negeri di Taman Manggis yang dijual pada tahun 2012 kepada pemaju swasta untuk membina hospital swasta.

"Adalah tidak benar untuk mengaitkan pembelian rumah saya pada tahun 2015 dengan tanah Kerajaan Negeri di Taman Manggis yang dijual pada tahun 2012, apabila penjualan tanah Kerajaan Negeri telah dijalankan melalui tender terbuka yang kompetitif.

"Adakah salah untuk menjual tanah kepada pembida yang paling tinggi? Pemaju swasta yang telah memenangi bidaan ini secara tender terbuka yang kompetitif – berjaya kerana mereka memberikan harga yang terbaik dan tertinggi.

"Penjual rumah saya tidak terlibat dengan syarikat yang memenangi bidaan tanah ini dan bukan pemegang saham atau ahli Lembaga Pengarah syarikat itu.

Tambahan pula Jawatankuasa Tender Kerajaan Negeri tidak dipengerusikan oleh saya, tetapi dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang," jelas beliau.

*(Berita lanjut di muka surat 2, 14 dan 15).*

# P. Pinang hutang terendah, wajar dapat insentif Pusat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang direkodkan dengan kadar hutang paling rendah kepada Kerajaan Pusat berbanding negeri-negeri lain, iaitu serendah RM69.36 juta.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap Kerajaan Negeri mendapat peruntukan dan insentif dalam bentuk projek pembangunan daripada Kerajaan Pusat atas prestasi tersebut.

"Jumlah hutang Pulau Pinang kepada Pusat kira-kira 0.4 peratus.

"Sebagai Kerajaan Negeri paling kurang hutang berbanding negeri-negeri lain, kami (Pulau Pinang) rasa harus dapat bantuan dan galakan atas prestasi yang baik ini," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata demikian ketika merujuk kepada Jawapan Lisan Menteri Kewangan kepada Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok Suh Sim di Dewan Rakyat pada 15 Mac lalu.

Menurut Jawapan Lisan itu, hutang semua Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2015 adalah berjumlah RM16,824.61 bilion (RM16,824,607,187.41).

Pahang mencatatkan jumlah hutang paling tinggi iaitu sebanyak RM2,922.98 juta, diikuti Sabah (RM2,608.46 juta), Sarawak (RM2,531.25 juta), Kedah (RM2,283.30 juta), Kelantan (RM1,342.41 juta), Selangor (RM1,032.82 juta), Melaka (RM950.97 juta), Negeri Sembilan (RM942.76 juta), Terengganu (RM909.48 juta), Perak (RM608.63 juta), Perlis (RM373.17 juta), Johor (RM249.01 juat) dan Pulau Pinang (RM69.36 juta).

Sebelum tahun 2008, hutang terkumpul Kerajaan Pulau Pinang adalah kira-kira RM700 juta dan kini berkurang sebanyak 90 peratus.

**Perincian hutang kepada Kerajaan Pusat yang belum dijelaskan mengikut setiap negeri adalah seperti berikut: -**

| | NEGERI | JUMLAH (RM juta) |
|---|---|---|
| 01 | PAHANG | 2,922.98 |
| 02 | SABAH | 2,608.46 |
| 03 | SARAWAK | 2,531.25 |
| 04 | KEDAH | 2,283.30 |
| 05 | KELANTAN | 1,342.41 |
| 06 | SELANGOR | 1,032.82 |
| 07 | MELAKA | 950.97 |
| 08 | NEGERI SEMBILAN | 942.76 |
| 09 | TERENGGANU | 909.48 |
| 10 | PERAK | 608.63 |
| 11 | PERLIS | 373.17 |
| 12 | JOHOR | 249.01 |
| 13 | PULAU PINANG | 69.36 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 16,824.61 |

# 'Buka rumah' untuk media, KM harap tiada lagi fitnah

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Seramai 30 petugas media dibawa ke rumah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, dekat Jalan Pinhorn pada 20 Mac lalu bagi menepis fitnah berhubung pembelian lot berkenaan.

Lawatan tersebut adalah ekoran pertanyaan salah seorang pengamal media yang hadir pada majlis sidang media yang diadakan di Komtar pada jam 11 pagi sebelum itu dengan menyatakan bahawa bilakah Ketua Menteri akan membawa pihak media melawat rumahnya.

Sidang media tersebut adalah bersempena dengan perjumpaan secara satu sama satu dengan Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya yang membuat tuduhan terhadapnya bahawa terlibat dalam amalan rasuah berkaitan pembelian rumah beliau yang berusia 30 tahun, dengan penjualan sebidang tanah Kerajaan Negeri di Taman Manggis.

Bagaimanapun, Shabudin tidak muncul pada majlis berkaitan.

Pada lawatan di rumahnya, Guan Eng menyatakan bahawa beliau merupakan satu-satunya Ketua Menteri dan pemimpin negeri yang berani bertindak sedemikian iaitu membawa pihak media melawat kediamannya.

"Diharap selepas ini, tiada lagi tohmahan dan fitnah selepas saya 'buka rumah' untuk lawatan para pemberita di negeri ini. Adakah pemimpin lain seperti menteri sendiri, berani untuk melakukan tindakan ini?

"Anda boleh lihat, rumah saya biasa sahaja, namun mungkin akan ada lagi fitnah dan saya serahkan kepada rakyat sendiri untuk menentukan," ujarnya.

Berhubung soalan media berkenaan harga pembelian yang lebih rendah daripada harga pasaran, Guan Eng menyatakan bahawa beliau ditawar pada harga RM2.8 juta secara lisan oleh pemilik sejak tahun 2012.

"Dia (pemilik) menawarkan harga rumah ini RM2.8 juta pada awal tahun 2012, namun saya belum memberi kata putus untuk membeli. Ini kerana, saya tidak pasti akan diundi semula dalam pilihanraya umum lalu dan ini sudah tentu menyukarkan untuk mendapat pinjaman daripada pihak bank.

"Saya bimbang jika tidak dipilih pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13 lalu, saya tiada dana untuk pinjaman bank," jelasnya.

Tambah beliau, pemilik turut bersetuju mengekalkan harga sama sehingga saya membeli kediaman ini pada Julai 2015.

Sementara itu, isteri beliau, Betty Chew Ghaik Cheng berharap tindakan membawa media ke kediamannya dapat menjawab persoalan mengenai kehidupan mereka sekeluarga.

"Bukan sesuatu mudah untuk membuka ruang peribadi kehidupan kepada umum, namun dengan pendedahan ini, diharap masyarakat dapat melihat serta menilai yang kami tidak hidup dalam kemewahan," ujar beliau.

# KM tempelak Menteri isu harga rumah maksimum RM400,000

**GEORGE TOWN –** Akhirnya Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan seakan mengaku bahawa Kerajaan Pusat yang menetapkan harga maksimum rumah mampu milik di negara ini, termasuk di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sebelum ini Abdul Rahman menuduhnya berbohong apabila menyatakan Kerajaan Persekutuan yang menentukan harga maksimum RM400,000, dan bukannya Kerajaan Negeri.

"Rahman Dahlan bagaikan 'meludah ke langit, terkena muka sendiri' apabila secara tidak langsung dalam kenyataannya pada 17 Mac 2016, mengakui bahawa Perdana Menteri dan PR1MA menetapkan harga jualan maksima untuk rumah mampu milik sebanyak RM400,000 pada Bajet 2013," jelasnya pada sidang media bertarikh 18 Mac lalu di sini.

Di Parlimen 16 Mac lalu, Abdul Rahman dilaporkan menuduh Guan Eng berbohong mengenai isu siling harga rumah mampu milik RM400,000 bukan ditentukan oleh Kerajaan Negeri.

Dalam reaksi balas, Guan Eng mengemukakan Laporan Ekonomi 2013/2014 serta ucapan Najib semasa membentangkan Bajet 2013.

Dalam ucapan belanjawan Pusat itu, antara lain tertera, "Demi memenuhi permintaan rumah golongan berpendapatan di bawah RM3,000, Kerajaan telah melancarkan Skim Rumah Pertama-Ku pada Mac 2011.

"Untuk menambah baik skim ini, Kerajaan mencadangkan untuk menaikkan had harga rumah maksimum daripada RM200,000 kepada RM400,000.

"Penambahbaikan ini boleh dinikmati oleh pembeli rumah melalui pinjaman bersama suami isteri bermula Januari 2012."

Susulan itu, Abdul Rahman mengaku bahawa Perdana Menteri yang menetapkan harga maksimum rumah Kerajaan, melalui Skim Rumah Pertama-Ku dan Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA).

# KM seru SPRM segerakan siasatan 'beli rumah' dengan adil

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Pulau Pinang supaya menyegerakan siasatan penyewaan serta siasatan baru mengenai pembelian rumahnya di Jalan Pinhorn di sini.

"Saya akan menulis surat kepada SPRM Pulau Pinang tentang siasatannya ke atas penyewaan rumah saya sebanyak RM5,000 sebulan pada 2009.

"Saya juga akan meminta siasatan baru ke atas pembelian rumah saya dapat disegerakan dengan harapan siasatan dijalankan dengan adil, bebas dan profesional *(without fear of favour)* tanpa dipengaruhi oleh desakan parti pemerintah Barisan Nasional (BN)," katanya pada sidang media bertarikh 20 Mac lalu di sini.

Menurut Guan Eng, beliau agak hairan apabila SPRM Pulau Pinang menyatakan bahawa mereka pernah menjalankan siasatan sebelum ini berkaitan penyewaan rumah olehnya pada 2009, sebelum beliau membeli ia pada 2015.

"Sehingga sekarang, saya tidak ada pengetahuan langsung tentang siasatan penyewaan rumah saya pada 2009, yang telah berlalu sekian lama.

"Jelas sekali, tidak ada sebarang tindakan diambil oleh SPRM atas penyewaan rumah saya kerana ia tidak berasas.

"Sungguhpun respons SPRM begitu cepat sekali berbanding dengan kes-kes lain, saya akan berikan kerjasama penuh kepada SPRM. Saya ingin menggesa SPRM untuk segerakan siasatan kerana yakin bahawa tidak ada sebarang unsur amalan rasuah, dalam isu pembelian rumah saya yang cuba dikaitkan dengan penjualan tanah Kerajaan Negeri di Taman Manggis," ujar beliau.

# Rasuah terdahulu dalam MPSP, siasat 'pemimpin aktif' pembangkang - KM

**SEBERANG JAYA –** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa supaya menyiasat seorang ahli politik pembangkang Pulau Pinang, yang dikaitkan dengan amalan rasuah, semasa memimpin Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), 18 tahun lalu.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, MPSP pada sejak 18 Disember tahun lepas lagi telahpun membuat aduan polis dan SPRM mengenai individu berkaitan.

"Sekarang, (individu berkaitan) masih menjadi ahli politik pembangkang yang sangat aktif, kita (Kerajaan Negeri) minta SPRM boleh buat siasatan penuh," tegasnya kepada pemberita di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Beliau bagaimanapun enggan menyebut nama individu terbabit, yang juga bekas Ahli Majlis MPSP tahun 1994/1995.

**Ringkasan kes adalah seperti berikut:-**

* MPSP menyatakan tiada sebarang kontrak yang wujud antara pihak-pihak dan tiada niat untuk mewujudkan hubungan perundangan berhubung dengan penaiktarafan loji kumbahan.

* Perbincangan antara Plaintif dan MPSP adalah untuk jualan secara terus tanah-tanah di Mak Mandin dan Sungai Nyior dan bukan suatu usaha sama *(joint venture)*.

* Suatu perjanjian atau kontrak adalah satu keperluan dan perlu ditandatangani. Sama ada ianya satu usaha sama atau jualan secara terus, keperluan seksyen 101(r) Akta 171 mesti dipatuhi untuk jualan atau pindah milik harta tak alih.

* Plaintif tahu dari awal-awal lagi bahawa semua undang-undang dan peraturan-peraturan serta syarat-syarat yang ia perlu patuhi sekiranya MPSP telah memutuskan untuk memasuki suatu kontrak.

**Keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, YA Tuan Colin Lawrence Sequerah pada 28/01/2016 :-**

* Pada setiap masa material, pihak-pihak (Plaintif dan Defendan) masih dalam peringkat perundingan dan tidak wujud kontrak yang mengikat.

* Pihak-pihak tidak terikat sehingga kontrak formal telah dimuktamadkan.

* Persetujuan Kerajaan Negeri adalah satu keperluan di bawah Seksyen 101 (r), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

*Plaintif telah gagal membuktikan kes/tuntutan ke atas imbangan kebarangkalian.

* Tuntutan Plaintif ditolak dengan kos berjumlah RM50,000.00 manakala permohonan MPSP untuk membatalkan saman Plaintif kerana kegagalan meneruskan tindakan (want of prosecution) telah ditolak dengan kos RM5,000.00.

* Kos-kos hendaklah diimbangi antara satu sama lain dan Plaintif hendaklah membayar kos berjumlah RM45,000.00 kepada MPSP.

* Semasa perbicaraan ini, beberapa maklumat yang mendedahkan berkenaan dengan tingkah laku bekas Ahli Majlis dalam tahun 1994/1995 dan adalah juga menjadi wakil rakyat pada ketika ini. MPSP telah melaporkan perkara ini kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan pihak polis untuk melindungi kepentingan MPSP.

*(Sumber: Disediakan oleh Pengarah, Jabatan Undang-Undang Majlis Perbandaran Seberang Perai, 25 Februari 2016)*

# 'Pulang selepas tamat pengajian, KN mahukan sumbangan anda'



**NUR Haslinda Jaafar (kiri sekali) bergambar kenangan dengan barisan penerima lain pada Majlis Sumbangan Insentif i-BITA di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**PANTAI JEREJAK –** Baki 29 lagi penerima bantuan ke Institusi Pengajian Tinggi atau i-BITA masing-masing diberi insentif RM1,000 baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, negeri yang tiada sumber mentah seperti Pulau Pinang sudah tentu menganggap mahasiswa sebagai aset penting dalam pembangunan ekonomi pada masa hadapan.

"Di Pulau Pinang, kita tiada gas, tiada minyak, tanah tidak ada, balak pun tiada, oleh itu kita kena bangunkan modal insan untuk memastikan kemajuan negeri ini di masa hadapan.

"Selepas tamat pengajian anda kena pulang, kerana Kerajaan Negeri mahukan sumbangan anda," katanya pada Majlis Penyampaian i-BITA dekat Kompleks Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) Bayan Baru di sini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Pegawai Daerah Barat Daya, Raja Azlal Raja Azman.

Daripada kesemua 329 penerima yang layak, difahamkan, baki 29 penerima terbabit adalah mereka yang tidak menuntut bantuan pendidikan berwajib dalam suatu majlis penyampaian i-BITA pada tahun lalu.

Dalam pada itu, penerima, Nur Haslinda Jaafar, 21, yang ditemui kemudian merakamkan penghargaan atas insentif Kerajaan Negeri.

"RM1,000 ini sangat besar maknanya untuk pelajar seperti kami dalam memulakan pengajian, yang seperti kita maklum memerlukan persiapan rapi dari segi yuran dan keperluan-keperluan lain," ujarnya di sini.

Nur Haslinda merupakan pelajar lepasan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Balik Pulau, serta melanjutkan pengajian dalam bidang perguruan.

# Bilangan unit PR1MA ke P. Pinang mengelirukan – Exco

**GEORGE TOWN –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo sekali lagi menggesa Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) menyatakan jumlah sebenar rumah mampu milik yang ingin dibina di Pulau Pinang.

Gesaan itu susulan kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Mutalib Alias dalam akhbar berbahasa Inggeris pada 6 Februari lalu yang menyatakan bahawa sebanyak 26, 291 unit rumah mampu milik bakal dibina di negeri ini.

Menurut Jagdeep, angka itu berbeza dengan keputusan mesyuarat oleh Majlis Perumahan Negara (MPN) pada 21 Ogos tahun lalu, iaitu Pulau Pinang mendapat kelulusan pembinaan PR1MA sebanyak 24,923 unit.

"Mengapa wujud perbezaan jumlah pembinaan rumah PR1MA di negeri ini," katanya pada majlis sidang media baru-baru ini, sambil melahirkan rasa terkejut dengan kenyataan Mutalib.

Susulan itu, Jagdeep memberitahu bahawa beliau menulis surat rasmi kepada Pengerusi PR1MA, Tan Sri Dr. Alies Anor Abdul untuk mendapatkan penjelasan berwajib.

Tambahnya, PR1MA selepas bermesyuarat pada 21 Ogos 2015 bersama-sama Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow antara lain mengumumkan kelulusan 153,807 unit rumah mampu milik untuk Pulau Pinang, kononnya mencatatkan kadar kelulusan tertinggi, iaitu 24,923 unit rumah mampu milik.

"Malangnya sehingga kini, kita (Pulau Pinang) masih belum menerima apa-apa permohonan untuk pembinaan sejumlah 24,923 seperti yang dinyatakan.

"Jika ada pun, cuma permohonan untuk pembinaan rumah PR1MA berjumlah 2,644 unit di Batu Feringghi dan Bukit Gelugor," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam perkembangan sama, Jagdeep turut membidas pemimpin pembangkang Pulau Pinang yang didakwa memberi tanggapan mengelirukan kepada rakyat mengenai status sebenar PR1MA di Pulau Pinang.

# Anak-anak 'Tok Moh' terima sumbangan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**BAYAN LEPAS –** Empat anak penggiat seni boria tempatan, Allahyarham Hanizar Abdul Hamid atau lebih popular dengan nama gelaran 'Tok Moh', menerima sumbangan RM2,000 daripada Ketua Menteri sendiri di sini baru-baru ini.

Ketika menyampaikan sumbangan berkaitan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menasihatkan empat beranak tersebut supaya belajar rajin-rajin.

Mereka ialah, Ainatul Balqis Hanizar, 15, Nur Ainul Huda Hanizar, 13, Muhammad Amirul Hafiz Hanizar,10, dan Iskandar Zulkarnain Hanizar, 8.

Serentak itu, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Barat Daya turut menyampaikan sumbangan bernilai RM13,500 yang dikreditkan terus ke dalam akaun empat kanak-kanak yang turut kehilangan ibu mereka dalam kejadian kemalangan pada 1 Mac lalu.

Dalam pada itu, bapa saudara kepada empat beranak berkenaan, Noor Aizam Tinggal, 42, yang turut hadir pada majlis penyampaian sumbangan berkaitan mengucapkan terima kasih kepada pihak yang bermurah hati menghulurkan sumbangan.

"Saya dan isteri, Zurita Mohd. Zahir, 46, kini menggalas tanggungjawab menjaga kanak-kanak ini.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak yang memberi sumbangan sehingga kini, termasuk daripada Ketua Menteri dan PPD. Semua sumbangan ini dimasukkan ke dalam akaun mereka. Saya tidak pegang duit ini.

"Saya ada menasihatkan mereka untuk berbelanja dengan berhemah dan guna untuk keperluan seperti barangan persekolahan, pakaian dan perkara penting sahaja," ujar beliau.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Pegawai Daerah bagi Daerah Barat Daya, Raja Azlal Raja Azman, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dan PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid.



**KETUA Menteri sambil ditemani Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) menyerahkan sumbangan kepada anak-anak Allahyarham 'Tok Moh' di sini baru-baru ini.**

Pada 1 Mac lalu, Allahyarham Hanizar, 44, bersama-sama arwah isteri, Zaiton Awang, 42, menaiki sebuah motosikal di Kilometer 106.5 Lebuhraya Utara Selatan dalam perjalanan ke Sungai Petani, Kedah untuk mengecat rumah baru mereka.

Ketika di lokasi kejadian, Allahyarham Hanizar dipercayai cuba mengelak sebuah lori yang diparkir pada bahu jalan sebelum dilanggar dari belakang oleh sebuah kereta dipercayai jenis Perodua *Myvi*.

Kedua-dua mangsa yang meninggal dunia di tempat kejadian dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Masjid Maqbul, Teluk Kumbar.

# 160,989 warga emas terima insentif tahunan RM100

**GEORGE TOWN –** Seramai 160,989 warga emas yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri di bawah Program Penghargaan Warga Emas layak menuntut RM100 tunai dengan membawa baucer berwajib ke 29 cawangan Maybank terpilih baru-baru ini.

Hasil tinjauan Buletin Mutiara mendapati, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dirakam turun padang membantu urusan warga emas terpilih di salah sebuah bank cawangan di sini.

Begitu juga dengan ADUN Perai merangkap Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy serta Wong Hon Wai (ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri) di beberapa bank cawangan masing-masing.

Selepas mengambil alih Kerajaan Negeri pada tahun 2008, Guan Eng antara lain mengumumkan pemberian tunai RM100 tiap-tiap tahun kepada warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas, sebagai menghargai sumbangan mereka.

Itu, tidak termasuk sumbangan tunai pelbagai kadaran lain kepada orang kurang upaya (OKU), bayi baru lahir, pelajar tahun 1 & 4 serta tingkatan 1 & 4, suri rumah sepenuh masa, mahasiswa daftar universiti terpilih dan waris warga emas berdaftar yang meninggal dunia.

Jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi Program Emas dari 2009 hingga 20 November 2015 adalah sebanyak RM176.06 juta.

Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

| No | Program | Perbelanjaan (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Penghargaan Warga Emas Dan Waris | 112,419,700 |
| 2 | Bantuan Ibu Tunggal Dan Waris | 5,408,500 |
| 3 | Bantuan OKU Dan Waris | 3,639,800 |
| 4 | Skim Pelajar Emas | 20,125,500 |
| 5 | Ibu Emas | 9,007,100 |
| 6 | Anak Emas | 11,474,200 |
| 7 | Mahasiswa | 13,981,000 |
| | Jumlah | 176,055,800 |

**Agenda Ekonomi Saksama (AES)**

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program Agenda Ekonomi Saksama (AES) bagi memastikan setiap keluarga menerima sekurang-kurangnya RM790 sebulan. Mana-mana keluarga yang berpendapatan kurang daripada jumlah RM790, Kerajaan Negeri akan "tambah nilai" (*top-up*) sehingga genap RM790. Contohnya, sekiranya sebuah keluarga menerima RM600 sebulan, Kerajaan Negeri akan memberikan "tambah nilai" RM190 setiap bulan.



**DR. Afif Bahardin (hadapan, dua dari kanan) membantu salah seorang warga emas membuat semakan data pendaftarannya bagi Program Penghargaan Warga Emas Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**



**WONG Hon Wai (tengah) bergambar kenangan dengan para penerima bagi KADUN Air Putih dan Air Itam.**

# Jimat air, P. Pinang belum dalam zon bahaya

**GEORGE TOWN –** Bekalan air Pulau Pinang masih belum mencapai tahap risiko krisis atau catuan air dan kapasiti efektif empangan adalah mencukupi untuk bertahan sehingga hujan pada April 2016.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa dalam kenyataannya bertarikh 16 Mac baru-baru ini di sini.

Katanya, taburan hujan di negeri ini adalah agak kurang sejak 30 hari lalu dengan suhu siang hari mencecah 35°C, bagaimanapun, ia masih belum mencapai tahap krisis air atau catuan air di negeri ini.

"Kapasiti efektif Empangan Air Itam berada pada tahap 75.7 peratus. Empangan ini mempunyai air yang mencukupi untuk bertahan sehingga 74 hari bekalan air tanpa hujan.

"Kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang adalah 72.3 peratus, dan mencukupi untuk bertahan selama 220 hari tanpa hujan.

"Paras air Sungai Muda adalah pada tahap 2.41 meter. Walaupun paras air menurun, PBAPP masih mampu untuk mengekstrak kira-kira 1 bilion liter setiap hari dari sungai ini untuk rawatan di Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA Sungai Dua).

"Ini bermakna, PBAPP akan dapat menyediakan bekalan air yang baik dan berterusan di seluruh negeri sehingga hujan pada bulan April," jelasnya.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu, sejak suku keempat 2015, PBAPP telah melaksanakan program bagi mengelak catuan air ketika musim "Super El Niño" (tahun 2016), antara inisiatif-inisiatif utama yang dilaksanakan adalah:

♣ Memastikan kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang adalah setinggi mungkin pada akhir tahun lepas.

♣Mengoptimumkan simpanan empangan Pulau Pinang dengan pengambilan air sekurang yang mungkin dari empangan setiap hari.

♣ Mempertingkatkan pengambilan air dari Sungai Muda untuk perawatan di LRA Sungai Dua.

♣ Mempertingkatkan pengeluaran LRA Sungai Dua untuk menghasilkan lebih banyak air terawat setiap hari.

♣ Mengepam air dari LRA Sungai Dua pada tekanan lebih tinggi agar mampu sampai di semua kawasan di tanah besar, dan di Daerah Barat Daya Pulau Pinang.

♣ Mempercepatkan kerja-kerja pembaikan paip pecah yang mungkin disebabkan oleh tekanan pengepaman yang lebih tinggi.

♣ Memantau paras air Sungai Muda, sumber air mentah utama kita, 24/7.

Beliau dalam pada itu menyeru semua penduduk dan perniagaan yang berpangkalan di Pulau Pinang untuk bertenang, jimatkan air dan menggunakan air dengan bijak.

"Dua perkara asas yang perlu dilakukan adalah elakkan menggunakan hos seboleh mungkin untuk aktiviti-aktiviti pembersihan. Hos membazirkan air.

"Kurangkan kekerapan membasuh kereta dan motosikal. Elakkan menggunakan hos dalam apa cara juga," ujar Jaseni.



KAKITANGAN MARDI menunjukkan tanaman padi dan keadaan sawah yang kering kontang disebabkan kemarau.

# Pam mudah alih, strategi susun jadual bekal air hadapi El Nino

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PENAGA –** Pam mudah alih akan digunakan demi memastikan air dari sumber Sungai Muda di sini mampu dialirkan ke petak-petak sawah berwajib, sepanjang fenomena El Nino melanda negeri ini.

Menurut Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, bagaimanapun pam mudah alih tersebut hanya mampu disalurkan sebanyak tiga kubik meter padu sesaat berbanding satu pam kekal iaitu 100 kubik meter padu sesaat.

"Mengikut jadual yang dikeluarkan JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran), bekalan air akan diberikan pada 11, 21 dan 31 Mac, namun, kita (Kerajaan Negeri) menghadapi masalah saluran air yang mana hanya satu rumah pam di Bumbung Lima sahaja yang masih boleh pam air.

"Rumah pam di Pinang Tunggal menghadapi masalah salur air kerana paras air yang rendah iaitu pada bacaan 1.8 meter daripada paras minimum 2.0 meter dan ini menyebabkan kita (Kerajaan Negeri) menghadapi masalah untuk memulakan penanaman baru.

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) akan cuba menyusun strategi jadual pembekalan air bagi kawasan pengairan padi di negeri ini dengan kerjasama daripada JPS Negeri, Jabatan Pertanian serta pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi memulakan penanaman baru," katanya semasa meninjau paras air di Sungai Muda di sini baru-baru ini.

Iklim kering dan panas yang dikenali fenomena El Nino melanda tanah air sejak bulan Januari lalu, dan dijangka berakhir pada Mei nanti.

Turut hadir, Pengarah MARDI, Azmi Abdul Razak dan Penolong Jurutera JPS Pulau Pinang, Mohd Sayuthi Taha.



MEJAR (B) Zaidi Ahmad.

# Mejar Zaidi dilantik sebagai pegawai KM

**GEORGE TOWN –** Mejar (B) Zaidi Ahmad yang mendedahkan mengenai kelemahan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum lalu dilantik sebagai Pegawai kepada Ketua Menteri baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, Zaidi akan membantunya dalam kerja-kerja penerangan, termasuk menjelaskan mengenai Agenda Ekonomi Saksama (AES) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

"Beliau tidak sertai DAP, tetapi akan bekerja untuk saya," jelasnya pada sidang media di sini.

Mejar Zaidi merupakan pemandu pesawat pejuang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Pada Februari tahun lalu, beliau disingkirkan gara-gara membuat aduan polis berhubung celupan dakwat SPR pada jari pengundi pos semasa Pilihan Raya Umum Ke-13, Mei 2013, adalah tidak kekal.

# Tiada lantikan politik dalam Lembaga Rayuan simbol integriti - Rashid

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PANTAI JEREJAK** – Tiada lantikan politik menganggotai Lembaga Rayuan Pulau Pinang sekaligus menyerlahkan integriti Kerajaan Negeri hari ini, kata Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

"Tidak seperti kerajaan lama sebelum ini, kini, ia (Lembaga Rayuan Pulau Pinang) terdiri daripada ahli profesional pelbagai jurusan profesional, yang tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi," ucapnya, mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis perasmian seminar anjuran Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) tersebut baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Pengerusi Lembaga Rayuan Pulau Pinang, Datuk Yeo Yang Poh turut berucap pada Seminar Lembaga Rayuan dan Pelancaran e-Rayuan Negeri Pulau Pinang di sini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng serta Pengarah JPBD Negeri, Mohd. Anuar Maidin.

Tambah Mohd. Rashid, aplikasi e-Rayuan yang dilancarkan di negeri ini merupakan yang pertama di Malaysia.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd. Rashid memberitahu, Kerajaan Negeri menyokong keputusan Lembaga Rayuan Pulau Pinang pada 20 November tahun lalu dalam kes membabitkan perayu, Sim Khoo Tneah & Anor, dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selaku defenden.

"Kes ini masih tertakluk kepada *judicial review* (semakan kehakiman) di mana pemaju telah mengemukakan untuk memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi bagi mencabar keputusan Lembaga Rayuan," jelasnya.

Justeru, menurut Mohd. Rashid, Kerajaan Negeri melantik dua pakar undang-undang, Professor Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, Prof. S. S. Gurdial Singh Nijar dan Presiden Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia Malaysia (Hakam), Datuk S. Ambiga untuk membantu MBPP menghadapi pemaju.

"Akan timbul (selepas ini) isu tuntutan ganti rugi yang boleh mencapai jumlah ratusan juta ringgit akibat pembatalan Kebenaran Merancang dan CCC yang telah diperoleh oleh Sunway Sdn. Bhd..

"Demi kepentingan rakyat dan alam sekitar, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia mempertahankan keputusan Lembaga Rayuan dengan melantik pakar-pakar perundangan yang *high profile* untuk membantu Kerajaan Negeri di Mahkamah Tinggi nanti." ujar beliau.




**MOHD. Rashid Hasnon (tengah) diiringi Jagdeep Singh Deo (dua dari kiri), Chong Eng (kiri sekai) dan Yeo Yang Poh (kanan sekali) menerima cenderamata daripada Mohd. Anuar Maidin, selepas Majlis Pelancaran e-Rayuan di sini baru-baru ini.**

## Prestasi kewangan P. Pinang dipuji, mampu 'kongsi' bersama rakyat

**GEORGE TOWN** – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini menegaskan bahawa prestasi kewangan negeri Pulau Pinang kini lebih kukuh jika dibandingkan 10 tahun sebelum ini.

Malah, jelasnya, prestasi yang direkodkan iaitu sejak tahun 2008 telah membolehkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan mampu 'berkongsi' lebihan kewangan dengan rakyat negeri ini.

"Lebihan belanjawan saban tahun Kerajaan Negeri mendapat pujian Ketua Audit Negara.

"Ini termasuk pelaksanaan beberapa program kebajikan untuk rakyat, antaranya program-program Emas, Skim Bantuan Institusi Pengajian Tinggi (i-Bita), pemberian insentif tunai kepada pemandu teksi, kereta sewa serta beca.

"Turut tersenarai adalah bantuan pukat dan peralatan kepada nelayan, pemeriksaan mamogram percuma serta pemberian subsidi bagi rawatan dialisis di pusat dialisis terpilih," ucapnya pada Majlis Perasmian Seminar Perancangan Kewangan anjuran syarikat perunding kewangan, Fin Freedom Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.

Turut mengambil bahagian, beberapa organisasi kewangan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, (AKPK), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Premier Assurance Group Berhad, iFast Capital Sdn. Bhd. dan *KenWealth by Kenanga* (Kenanga).

Dalam pada itu, menurut Mohd. Rashid, Kerajaan Negeri turut memberi jaminan untuk meneruskan program-program kebajikan termasuk pelaksanaan Agenda Ekonomi Saksama (AES) sungguhpun menghadapi kekangan kekangan ekonomi.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah memperuntukkan RM61 juta pada tahun ini bagi memastikan program-program kebajikan serta sosial sentiasa relevan dan diteruskan," ujarnya yang turut meminta semua pihak menguruskan perbelanjaan dengan berhemah terutama ketika negara dalam keadaan ekonomi tidak menentu kini.

> **RM61 juta diperuntukan untuk pelaksanaan program-program kebajikan Kerajaan Negeri bagi tahun 2016.**

## Penaiktarafan Pusat Penjaja Kg. Permatang Tinggi, penduduk peroleh manfaat



**RUPA bentuk Pusat Penjaja Berbumbung Kompleks Makanan Permatang Tinggi kini.**

**MACHANG BUBUK** – Pemajuan Pusat Penjaja Berbumbung Kampung Permatang Tinggi menelan belanja RM100,000 daripada sumber Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek itu akan memberi manfaat kepada 500 keluarga atau 3,500 penduduk setempat.

"Inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah demi mengupayakan rakyat Pulau Pinang, terutama di kawasan kampung," katanya pada Majlis Pecah Tanah Pusat Penjaja Berbumbung Kompleks Makanan Permatang Tinggi di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon, Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Boo Jak Siak (Pengerusi JKKK Kampung Permatang Tinggi) turut sertai majlis tersebut.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng memberitahu bahawa, Kerajaan Negeri pada tahun ini dijangka membelanjakan RM30.9 juta untuk pengecualian cukai kepada penghuni rumah kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan rumah kampung.

# Mohd. Fadzil, Nurhusna juara Tilawah Al-Quran negeri

Teks dan Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PULAU BETONG –** Qari, Mohd. Fadzil Ismail, 37, dan qariah, Nurhusna Mohammad Salleh, 26, yang menjuarai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Kali-59 1437 Hijrah/ Tahun 2016 baru-baru ini masing-masing membawa pulang wang tunai RM5,000, piala pusingan, trofi dan sijil penyertaan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas diiringi Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim di sini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Maktar Shapee dan bekas Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Abu Jamal Nordin.

Mohd. Fadzil yang mewakili Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) mengumpul 84 mata berbanding juara menunggu tahun lalu, Muhammad Siddiq Mohd. Rosli (79.5 mata) dan tempat ketiga adalah Muhammad Umar Syazuli Mohd. Tahir (77.5 mata).

Nurhusna, wakil Daerah Timur Laut (DTL) mendapat 77 markah.

Tempat kedua, juga qariah dari DTL, Sakinah Ahmad berjaya mengumpul 75 mata dan wakil SPT, Nur Shahirah Fatini Mohd. Shaharuddin di kedudukan ketiga (73.5).

Mohd. Fadzil ketika ditemui melahirkan rasa gembira dan 'gusar' kerana bakal mewakili negeri ke pertandingan peringkat kebangsaan.

"Memang takut selepas ini sebab kena bawa nama Pulau Pinang ke peringkat kebangsaan.

"Bukanlah satu tugas yang mudah dan ini merupakan kali pertama akan memikul tanggungjawab begini," jelasnya yang merupakan seorang guru Sekolah Kebangsaan (SK) Mengkuang.

Dalam pada itu, Nurhusna melahirkan rasa syukur kerana buat kali kedua beliau akan membawa nama Pulau Pinang ke majlis tilawah peringkat kebangsaan.

"Saya bersyukur...jika 2013 saya hanya mendapat saguhati, tahun ini inshaAllah akan cuba yang terbaik bagi memperbaiki pencapaian dan mengharumkan nama negeri," ujarnya yang merupakan seorang guru KAFA di DTL.

Peserta tilawah dinilai berdasarkan hukum tajwid, taranum (lagu) dan kelancaran bagi membolehkan mereka dipilih sebagai pemenang.




MOHD. Fadzil Ismail dan Nurhusna Mohammad Salleh menunjukkan replika cek, trofi dan piala pusingan setelah dinobatkan sebagai juara Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang Kali ke-59, 1437 Hijrah/Tahun 2016 di Masjid Daerah Barat Daya, Balik Pulau baru-baru ini.

# Formula menang-menang, polisi perlu dipatuhi - Rashid




MOHD. Rashid Hasnon (barisan depan, empat dari kiri), Jagdeep Singh Deo (barisan depan, berbaju batik) dan Sim Tze Tzin (barisan depan, dua dari kiri) bergambar kenangan dengan para penduduk pada Majlis Penyerahan Replika Kunci Rumah Pangsa Bayu Nyaman di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS –** Pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak akan meluluskan sebarang pelan kebenaran merancang di negeri ini sehingga tuntutan berupa wang pampasan atau 'rumah ganti rumah' dipenuhi pihak berwajib.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, garis panduan terbabit bukan sahaja bagi membela penduduk asal, bahkan mewujudkan 'situasi menang-menang' antara tuan tanah dan pemaju.

"Kita (Kerajaan Negeri) mencari formula 'menang-menang' bagi menempatkan penduduk, jadi, adalah wajar polisi yang mana pemaju perlu gantikan rumah jika ingin mengambil alih tanah yang sedang diduduki oleh penduduk asal diwujudkan.

"Selain itu, bagi membela nasib penduduk asal yang telah memiliki rumah di tempat lain, kita masih berikan rumah kepada mereka kerana itu adalah rumah ganti kepada penduduk," katanya pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Pangsa Bayu Nyaman di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin, Pengasas Hunza Properties Berhad (Hunza), Datuk Seri Khor Teng Tong, Pengarah Urusan Hunza, Khor Siang Gin dan Pengarah Hunza, Gee Su Lyn.

Seramai 182 penduduk asal Kampung Sungai Nibong Kecil dan Kampung Sungai Nibong Tengah menerima kunci unit kediaman masing-masing pada majlis berkaitan, manakala pampasan berupa wang (750).

Difahamkan, kumpulan pertama membabitkan 50 penduduk telah menerima kunci kediaman masing-masing pada Disember tahun lalu.

# MAINPP usaha remajakan premis milikan

**GEORGE TOWN –** Premis milikan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang mempunyai nilai warisan akan diremajakan sehingga menjadi kawasan 'pelancongan Muslim'.

Yang di-Pertuanya, Dato' Mohd. Salleh Man berkata demikian selepas mengetuai rombongan MAINPP melawat beberapa kawasan di Kampung Kolam, Lebuh Acheh, Jalan Kapitan Keling dan Lebuh Buckingham di sini baru-baru ini.

"Sekarang ini, kita (MAINPP) sedang berusaha memberi tambah nilai kepada premis-premis di bawah milikan MAINPP.

"Lokasi lot-lot kedai milikan MAINPP adalah turut meliputi kawasan UNESCO, jadi kita perlu bagi perhatian yang wajar agar ianya tidak lesu," katanya.

Mohd. Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir menyatakan demikian selepas mengetuai lawatan MAINPP ke beberapa kawasan premis komersial berwajib di sini.

Mufti Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor, Dato' Abdul Halim Hussain (Timbalan Yang di-Pertua MAINPP), Mohd. Tuah Ismail (Ahli Majlis MAINPP) dan Fakhruddin Abdul Rahman (Ketua Bahagian Wakaf MAINPP) turut serta lawatan kerja tersebut.

Mengulas isu sama, Abdul Halim memberitahu, hasrat MAINPP untuk meremajakan premis-premis milik badan berkanun di bawah Kerajaan Negeri sekaligus menyumbang kepada industri pelancongan Pulau Pinang.

"Kalau boleh, kita mahu pihak yang menjalankan perniagaan di premis MAINPP lebih berdaya saing, ceria dan mampu menjana sebagai pusat pelancongan berasaskan '*Muslim Tourism*'.

"Jadi, apabila orang luar, khususnya dari Arab misalnya, yang datang ke Pulau Pinang, selain dari pelancongan konvensional yang biasa, mereka juga boleh jumpa tarikan baru yang berasaskan Islam di negeri ini," ujar beliau.

Justeru, tambah beliau, MAINPP akan berunding dengan pihak berkepentingan seperti waris-waris pemilik serta agensi negeri, Perbadanan Bandar Warisan George Town (GTWHI) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk proses pemuliharaan semula bangunan-bangunan berwajib yang mempunyai nilai warisan, agama serta etnik.

"Kalau kita lihat sebahagian bangunan di tapak Masjid Melayu Lebuh Acheh, ianya agak usang dan sukar dibangunkan kerana terikat dengan beberapa perkara.

"Justeru, pihak MAINPP berperanan berunding dengan pihak berkepentingan agar ianya tidak terabai begitu sahaja," jelasnya.

Difahamkan, MAINPP direkodkan mempunyai 430 premis di seluruh Pulau Pinang.

Daripada jumlah itu, Fakhruddin memaklumkan bahawa terdapat lebih 200 unit premis direkodkan berada sekitar George Town.

# Bina rumah mampu milik, KN tidak pernah anaktirikan agensi persekutuan - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

**DATUK KERAMAT –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri tidak pernah menganaktirikan agensi persekutuan yang benar-benar berhasrat membina rumah mampu milik di Pulau Pinang.

Sambil menolak tuduhan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, Jagdeep berkata, enam daripada 15 projek perumahan yang dipohon telahpun diluluskan sebelum ini.

Siling harga maksimum rumah di bahagian pulau ditetapkan RM400,000 seunit, manakala, Seberang Perai (RM250,000).

"Dikatakan, 9,600 unit rumah mampu milik dan 100 peratus rumah mampu milik.

"Tetapi, apabila kita (Kerajaan Negeri) semak, di bahagian pulau harganya RM1.8 juta (dan) di bahagian Seberang Perai, ada rumah RM800,000, apakah itu rumah mampu milik?

"Jadi, saya beritahu JKP (dan) Perda bahawa ini sesuatu yang tidak boleh diterima, sehinggalah mereka mematuhi syarat-syarat pemajuan perumahan negeri Pulau Pinang.

"Daripada lapan (projek perumahan), enam telah diluluskan selepas pemaju (JKP) akur dengan ketetapan kita (Kerajaan Negeri) untuk mengurangkan siling harga, dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah menganaktirikan (agensi persekutuan)," katanya yang juga ADUN Datuk Keramat pada penganjuran Kejohanan Sepak Takraw Piala Jagdeep Singh Deo Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

Sejak dua tahun lalu, difahamkan, JKP ada memohon kebenaran membina lapan projek perumahan daripada Kerajaan Negeri, manakala baki tujuh projek lain dipohon oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda).

Pada 20 Mac lalu, akhbar Mingguan Malaysia antara lain melaporkan Abdul Rahman mendakwa bahawa kedua-dua agensi persekutuan tersebut seringkali tidak diberi peluang dan ruang untuk membantu Kerajaan Pulau Pinang menyediakan rumah yang lebih selesa untuk rakyat.

Menurut Jagdeep, laporan sama turut dipetik oleh beberapa portal berita atas talian, termasuk Bernama.

Jagdeep dalam pada itu menyifatkan tuduhan Menteri berkaitan sebagai "isu lama" dan "kebudak-budakan".



**JAGDEEP Singh Deo (kiri) sambil ditemani Jeff Ooi Chuan Aun menunjukkan laporan berkaitan pada majlis sidang media bersempena penganjuran Kejohanan Sepak Takraw Piala Jagdeep Singh Deo Peringkat KADUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.**



**MOHD. Rashid Hasnon (barisan depan, dua dari kiri) meneliti salah satu produk keluaran usahawan tempatan ketika mengadakan lawatan ke gerai pameran bersempena penganjuran Karnival Usahawan Rakyat di sini baru-baru ini.**

# KN terus usaha majukan usahawan tempatan

**GEORGE TOWN –** Penganjuran Karnival Usahawan Rakyat yang berlangsung di Konkos Komtar di sini baru-baru ini berjaya menghimpunkan seramai 26 usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, meskipun keadaan ekonomi negara agak redup, namun ia seharusnya tidak dijadikan alasan buat para usahawan untuk terus bersaing secara sihat.

"Walaupun keadaan ekonomi berada di dalam keadaan menguncup, namun usaha-usaha untuk memaju dan membangunkan usahawan di Pulau Pinang akan sentiasa diteruskan oleh Kerajaan Negeri.

"Pelbagai program telah dijalankan sebelum ini, antaranya pelaksanaan Program Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang menyediakan pinjaman mikrokredit kepada usahawan yang layak dan Program Business Coaching oleh pejabat saya pada tahun lalu.

"Manakala, dalam masa terdekat, terdapat rancangan bersama Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) untuk membawa usahawan tempatan menyertai Medan Fair di Medan, Indonesia," katanya pada Majlis Pelancaran Karnival Usahawan Rakyat di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Konsul Jeneral Republik Indonesia ke Pulau Pinang, Taufik Rodhi.

Karnival tersebut dianjurkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat.

Pelbagai produk makanan, kosmetik, kesihatan dan kraftangan dijual pada penganjuran karnival yang berlangsung selama empat hari tersebut.





**Tabung Usahawan Tani Muda merupakan program skim mikro kredit oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menawarkan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 bagi membantu usahawan-usahawan tani di negeri ini memperkembangkan perusahaan masing-masing.**

**Antara penerima skim Tabung Usahawan Tani Muda yang berjaya dan cemerlang ialah Muhammad Hashim yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT); Mohd. Salmee Ismail (penanaman sayur-sayuran, Daerah SPT) dan Khairul Nizam Mat Taib (penternakan ayam piru, Daerah Seberang Perai Utara, SPU).**

**Daftarlah sekarang!!**

# Dimattina Coffee terima sijil halal Malaysia

**MELBOURNE, Australia** – Halal Penang melakar sejarahnya tersendiri apabila pembuat kopi terkemuka di Selatan Melbourne, *Dimattina Coffee* Ptd. Ltd. menerima pengesahan halal Malaysia baru-baru ini.

Pengerusinya, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dalam satu kenyataan akhbar rasmi memberitahu bahawa ia merupakan satu lagi peristiwa penting dalam perkembangan dan pembangunan industri halal di Pulau Pinang.

"Ia selaras dengan wawasan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan negeri Pulau Pinang sebagai Pusat Halal Global yang terkemuka bukan sahaja dalam kalangan negara-negara Islam, tetapi juga negara-negara bukan Islam," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAIPP), Dato' Sazali Hussein turut hadir menyaksikan penyerahan pensijilan Halal Malaysia kepada Pengarah *Dimattina Coffee* Ptd. Ltd., Robert Dimattina.

> Sejak 2008, pelbagai inisiatif oleh Halal Penang membolehkan 853 pemain industri makanan serta minuman, kosmetik, farmaseutikal, hotel dan rumah penyembelihan memperoleh pensijilan halal Malaysia.

Hadir sama, wakil daripada pengedar produk *Dimattina Coffee* iaitu KQY e-Marketplace (Penang) Sdn. Bhd., Chuah Kiat Eng.

Menurut Abdul Malik, inisiatif tersebut tercetus apabila Lembaga Pensijilan Pulau Pinang menganugerahkan pensijilan halal Malaysia untuk beberapa produk makanan dan minuman dari luar negara.

"Antaranya, produk dari Belgium seperti *Night Orient Sparkling Juice, Belvas Chocolate, PurEthnic Cosmetics* dan kit uji Progenus untuk mengenal pasti bahan berunsurkan porsin (babi) dalam makanan dan farmaseutikal.

"Serta produk kesihatan dari Jepun seperti *Slim Bifi, Eu Ki Juices* dan air minuman berjenama Izumo," jelas beliau.

Mengulas lanjut, Abdul Malik menyatakan, pengesahan halal yang diberikan kepada *Dimattina Coffee* jelas membuktikan bahawa sektor pembuatan dan pembekalan makanan serta minuman 'berjenama' Halal Malaysia bukan sahaja menarik keyakinan dalam kalangan umat Islam, malah juga bukan Islam di seluruh dunia kerana jaminan kualiti, kebersihan dan keselamatan.

"Sejak tahun 2008, pelbagai inisiatif dilaksanakan Halal Penang sehingga membolehkan 853 pemain industri makanan serta minuman, kosmetik, farmaseutikal, hotel dan rumah penyembelihan memperoleh pensijilan halal Malaysia," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.



**ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kiri) menyerahkan sijil halal Malaysia kepada Robert Dimattina sambil disaksikan Sazali Hussein (kiri sekali), Ketua Menteri dan Chuan Kiat Eng (kanan sekali) di sini baru-baru ini.**

# MBPP naik taraf 15 tandas awam sejak 2012

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**TANJUNG BUNGA** – Kerajaan Negeri baru-baru ini menzahirkan komitmen dalam menyediakan tandas awam bertaraf lima bintang di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini giat menaiktaraf beberapa tandas awam sejak pelancaran Kempen Tandas Bersih pada tahun 2012.

Pada masa sama, jelasnya, pendekatan tersebut turut mensasarkan agar tandas-tandas awam di negeri ini, terutamanya di kawasan tumpuan pelancong, dapat mencapai penarafan lima bintang pada masa hadapan.

"Usaha-usaha ini (menaiktaraf) termasuklah menyediakan kemudahan infrastruktur yang serba lengkap dan berkualiti demi keselesaan pengguna terutamanya para pelancong dari luar negeri Pulau Pinang.

"Walaupun kebanyakan tandas awam sering dikaitkan dengan masalah kebersihan, namun, Kerajaan Negeri dengan kerjasama MBPP akan memastikan tanggapan sedemikian dapat dibetulkan.

"Ini adalah bagi memastikan Pulau Pinang menjadi negeri yang bukan sahaja menyediakan kemudahan awam berkualiti, tetapi juga bertaraf lima bintang," katanya pada Majlis Perasmian Projek Menaiktaraf Tandas Awam Pantai Miami di sini baru-baru ini.

Turut sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Ang Aing Thye, Pengarah Kawalan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang serta beberapa Ahli Majlis MBPP seperti Syerleena Abdul Rashid, Ong Ah Teong, Chris Lee Chun Kit dan Grace Teoh Koon Gee.

Dalam pada itu, Aing Thye ketika membacakan teks ucapan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail menyatakan bahawa sejak tahun 2012 sehingga 2015, sejumlah 15 tandas awam telah dinaiktaraf.

"Malah, MBPP sentiasa memastikan strategi pengukuhan yang mengutamakan pengurusan tandas awam sentiasa dipatuhi termasuk piawaian penyampaian perkhidmatan pengendalian berkualiti," ujarnya.

Projek menaiktaraf tandas awam Pantai Awam Pantai Miami bermula pada 1 Oktober 2014 dan siap sepenuhnya pada 10 Disember tahun lalu.

Dengan nilai kos mencecah sehingga RM1.056 juta, fasiliti tersebut turut dilengkapi dengan kemudahan tandas lelaki serta perempuan, bilik mandi, surau lelaki serta perempuan, kemudahan lokar, ruang persalinan bayi, gelongsor untuk kanak-kanak dan ruang riadah.

Selain itu, tandas bagi kemudahan golongan orang kurang upaya (OKU) turut disediakan termasuk fasiliti lain yang juga mesra OKU.

Bagi penggemar sukan berbasikal, fasiliti di Pantai Miami turut menyediakan kemudahan meletak basikal dan bilik mandi yang selesa.



**CHOW Kon Yeow (empat dari kanan), Ir. Aing Thye (tiga dari kanan) dan barisan Ahli-ahli Majlis MBPP menunjukkan tanda bagus ketika cuba menggunakan kemudahan meletak basikal bersempena Majlis Perasmian Projek Menaiktaraf Tandas Awam Pantai Miami di sini baru-baru ini.**



**KEADAAN tandas awam Pantai Miami yang telah siap dinaiktaraf.**

# Pampasan setimpal, isu 20 tahun penempatan enam keluarga selesai




Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SUNGAI PINANG –** Kerajaan Negeri 'terpaksa' campur tangan dalam isu penempatan enam keluarga di tapak pembinaan Sekolah Antarabangsa Methodist Wesley yang berlarutan selama 20 tahun ekoran kegagalan kerajaan terdahulu menyelesaikannya.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menzahirkan rasa kesal kerana Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) terdahulu gagal menyelesaikan isu berkenaan dengan lebih cepat dan mudah sehingga memaksa enam keluarga tersebut tinggal di 'rumah panjang' selama hampir 20 tahun.

"Sejak Ogos 2014, saya dan pihak berkepentingan seperti wakil Majlis Pelajar Methodist, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan pihak pemaju, Nusmestro Sdn. Bhd. (Nusmetro) telah bertemu dan mengadakan rundingan bagi membantu nasib enam keluarga terbabit.

"Hasil dari rundingan tersebut, pemaju (Nusmetro) telah bersetuju untuk menggantikan seunit rumah di Desa Pinang 2 dengan nilai RM42,000 serta memberi saguhati tunai sebanyak RM25,000 kepada setiap keluarga sebagai sebahagian tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan," katanya ketika hadir pada Majlis Pecah Tanah Sekolah Antarabangsa Methodist Wesley di Lebuh Sungai Pinang 1 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Laulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Pengerusi Persatuan Hartanah dan Perumahan (REHDA) Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan Fook Sing dan Siew Khim.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, pada 1996, syarikat Uda Bina Sdn. Bhd. pernah memberi penawaran lot ganti bernilai RM25,000 (selepas 50 peratus diskaun) di Mutiara Idaman, Jelutong, namun disebabkan beberapa masalah berbangkit, semua enam keluarga terbabit tidak dapat dipindahkan.

"Tindakan hari ini (membantu enam keluarga), jelas membuktikan bahawa kita (Kerajaan Negeri) serius dalam menangani isu penempatan semula penduduk termasuk pemberian pampasan setimpal seperti wang tunai dan kediaman yang selesa," ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

**TENTATIF PROGRAM "WORLD MEDIA EXHIBITION"**
**DEWAN MILLENIUM**
**10.00 AM – 10.00 PM**

| 19/4/2016 SELASA | 20/4/2016 RABU | 21/4/2016 KHAMIS | 22/4/2016 JUMAAT | 23/4/2016 SABTU | 24/4/2016 AHAD | 25/4/2016 ISNIN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **SET UP**<br>8.00am – 8.00pm | **SESI PAGI**<br>**10.00am – 12.30pm**<br>Terbuka kepada Guru PSS / Pustakawan / Public Library<br>Slot PTPTN<br>Tutup untuk public | **SESI PAGI**<br>**10.00am – 12.30pm**<br>Aktiviti Bersama Pelajar Uitm<br>Slot PTPTN | **SESI PAGI**<br>**10.00am – 12.30pm**<br>Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan<br>Slot PTPTN | **SESI PAGI**<br>**10.00am – 12.30pm**<br>Bicara Dan Pelancaran Buku Bersama Dato' Afifuddin | **SESI PAGI**<br>**10.00am – 12.30pm**<br>Bengkel Robotik RERO<br>Pertandingan Mewarna | **SESI PAGI**<br>**8.00am – 1.00pm**<br>**PACKING** |
| **SET UP**<br>8.00am – 8.00pm | **SESI PETANG**<br>**2.00pm – 6.00pm**<br>Terbuka kepada Guru PSS / Pustakawan / Public Library<br>Tutup untuk public | **SESI PETANG**<br>**2.00pm – 6.00pm**<br>Aktiviti Bersama USM dan ILP<br>Bicara Sejarah : Wira Tak Di Dendang<br>Dato' Mokhtar Mahmud Baginda | **SESI PETANG**<br>**2.30pm – 6.00pm**<br>Chef Celebrity Bersama Dato' Dr Fazley Yaakob<br>Puspanita<br>Kolej Komuniti Kepala Batas<br>Kolej Komuniti Bayan Baru<br>Kolej Komuniti Sungai Petani<br>UiTM Permatang Pauh | **SESI PETANG**<br>**2.00pm – 6.00pm**<br>Pelancaran Produk PTPTN | **SESI PETANG**<br>**2.00pm – 6.00pm**<br>Perasmian Penutupan YAB. Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang)<br>MOU | |
| **SET UP**<br>8.00am – 8.00pm | **SESI MALAM**<br>**8.00pm – 10.00pm**<br>Lantunan Mahabbah Qasidah | **SESI MALAM**<br>**8.00pm – 10.00pm**<br>Rabbani | **SESI MALAM**<br>**8.00pm – 10.00pm**<br>Persembahan Etnik Pulau Pinang | **SESI MALAM**<br>**8.00pm – 10.00pm**<br>Konsert<br>Ezad Lazim<br>Coppacobana | **SESI MALAM**<br>**8.00pm – 10.00pm**<br>Battle of the Boria<br>Chik<br>PPAPP<br>Omara<br>Gema Permata<br>Jibran | |

## Ralat Pengarang :

Merujuk kepada terbitan Buletin Mutiara edisi 1 – 15 Mac 2016, versi Bahasa Malaysia, muka surat 4, artikel bertajuk, 'Lantik dua pakar perundangan elak tuntutan ganti rugi pemaju'

Terdapat kesilapan pada perenggan 14 dan 15.

Ia sepatutnya berbunyi seperti di bawah :

Satu lagi kes, katanya, adalah melibatkan Kerajaan Negeri ke atas pengambilan tanah pada tahun 1992, yang dikenali sebagai kes Bagan Serai Housing Estate Sdn. Bhd. yang kini terletak di Prai iaitu Megamall Complex, Seberang Perai.

"MPSP adalah bernasib baik untuk memenangi kes dengan NEG Engineering Group Sdn. Bhd. yang melibatkan ahli politik aktif yang juga merupakan seorang pemimpin dalam kerajaan yang lepas, tetapi terdapat kebarangkalian bahawa mereka akan merayu. Laporan polis juga telah dibuat oleh MPSP kepada polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM).

"Malangnya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kalah dalam kes kedua iaitu kes Megamall dan sedang merayu di Mahkamah Rayuan yang melibatkan pampasan yang lebih kurang sama dengan kes NEG Engineering Group Sdn. Bhd..

"Kes Megamall ini adalah sama seperti kes di mana Kerajaan Negeri kalah dalam satu kes tanah di Bukit Mertajam akibat daripada kesilapan Kerajaan Negeri terdahulu, yang mengakibatkan pampasan sebanyak RM29.4 juta kepada Tang Hak Ju. Kerajaan Negeri dipaksa untuk membayar sebanyak RM14.7 juta dan masih berusaha untuk menuntut balik bayaran tersebut di Mahkamah," ujar beliau.

Sidang editorial Buletin Mutiara memohon maaf di atas kesilapan tersebut.

# Ucapan perbahasan usul junjung kasih titah DiRaja 2016

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

### Persoalan Perlembagaan

**Tuan yang dipertua,**

**SEPERTIMANA** yang kita sedia maklum, Perlembagaan Persekutuan merupakan sebuah perjanjian keramat yang memaktubkan hak dan kebebasan asasi setiap rakyat Malaysia. Kanun tertinggi negara kita ini ibarat payung yang melindungi setiap warganegara dengan memastikan bahawa tidak ada sesiapa yang dinafikan keadilan dan kesaksamaan di sisi undang-undang..

Pun begitu, adalah amat mendukacitakan sekali apabila terdapat rakyat Malaysia yang tidak terbela oleh sistem perundangan negara kita, sepertimana yang sering berlaku dalam isu hak penjagaan anak antara Muslim dan bukan Muslim.

Terkini, kes-kes S. Deepa dan Indira Gandhi Mutho telah menarik perhatian negara. Pada hemat saya, kedua-dua kes ini bukan sahaja semata-mata berkenaan dengan penafian hak ibu ke atas anak, atau persoalan penukaran agama secara unilateral, atau salah guna sistem *(abuse of the system)* oleh bapa yang memeluk Islam untuk mendapatkan hak penjagaan. Lebih penting lagi, kes seumpama ini turut menimbulkan persoalan besar mengenai Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa kehakiman dan hak rakyat Malaysia untuk mendapat remedi daripada mahkamah.

Sebagaimana yang kita maklum, dua kes berasingan ini melibatkan dua orang ibu beragama Hindu yang dipisahkan daripada anak-anak kecil mereka setelah bekas suami memeluk Islam dan menukar agama anak-anak kepada Islam tanpa persetujuan dan pengetahuan ibu. Kemudian, si bapa bertindak mendapatkan perintah Mahkamah Syariah untuk mendapatkan hak penjagaan.

Saya pasti, jika kita mengenepikan sentimen dan emosi kita buat sejenak dan kembali kepada pemikiran rasional, sudah tentu kita akan melihat tindakan sebegini sebagai ketidakadilan dan penyalahgunaan sistem.

Walaupun Seksyen 88(3) Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 mengandungi anggapan *(presumption)* bahawa adalah lebih afdal bagi seseorang kanak-kanak bawah tujuh tahun untuk dijaga oleh ibunya (apatah lagi apabila anak berkenaan itu kecil dan masih menyusu, seperti dalam kes Indira Gandhi), namun peruntukan ini berjaya dipintas apabila si bapa bertindak melalui Mahkamah Syariah dan bukan mahkamah sivil.

Jadi, oleh kerana Perlembagaan Persekutuan menentukan bahawa Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa ke atas Muslim, maka si ibu bukan Muslim tidak mempunyai locus standi dan tidak mempunyai hak untuk mencabar perintah Mahkamah Syariah yang memberi hak penjagaan kepada bapa, di samping penukaran agama anak secara unilateral. Justeru, dengan begitu mudah sahaja, seorang ibu kehilangan anaknya.

Demikianlah yang terjadi dalam kedua-dua kes ini. Akibat tiada pilihan lain, si ibu terpaksa ke Mahkamah Tinggi untuk mendapat perintah hak penjagaan *(custody order)*. Namun begitu, setelah berjaya di Mahkamah Tinggi, perintah tersebut langsung tidak dihiraukan oleh pihak polis atas alasan bahawa terdapat perintah berlainan daripada Mahkamah Syariah. Malah, perintah mandamus yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi untuk memaksa Ketua Polis Negara untuk melaksanakan waran penangkapan serta perintah mendapatkan kembali *(recovery order)* terhadap bekas suami juga diabaikan.

Sudah tentu, saya tidak menyalahkan pihak polis dalam hal ini. Mereka pastinya keliru berkenaan perintah mahkamah manakah yang harus mereka patuhi – mahkamah sivil atau Mahkamah Syariah. Kekalutan ini menjadi dilema besar yang mempunyai kesan mendalam terhadap sistem kehakiman dan keadilan negara kita.

Bagi kes Indira Gandhi, Mahkamah Rayuan kemudiannya telah menterbalikkan perintah-perintah Mahkamah Tinggi dengan memutuskan bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengkaji semula keputusan pentadbiran di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, yakni dalam kes ini, penukaran agama kepada Islam. Kini, kes yang sudah berlarutan selama tujuh tahun ini masih tidak selesai dan sedang menunggu rayuan di Mahkamah Persekutuan.

Namun, isu yang paling kritikal sekali adalah keputusan Mahkamah Rayuan yang menyatakan bahawa hakikat Indira Gandhi itu bukan Muslim dan tidak boleh mendapat remedi dalam Mahkamah Syariah, tidak bermaksud bahawa mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa untuk memberi remedi kepadanya. Keputusan sedemikian sudah tentu bertentangan dengan prinsip ubi jus ibi remedium (setiap hak berhak mendapat remedi – *where there is a right there is a remedy)*. Sebagai warganegara Malaysia, Indira Gandhi mempunyai hak di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk mendapat remedi daripada sistem kehakiman. Namun, dalam kes ini, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa beliau tidak mempunyai remedi di mana-mana mahkamah! Ini adalah suatu keadaan yang langsung tidak masuk akal. Bagaimanakah mungkin seseorang warganegara boleh dinafikan hak secara sewenang-wenangnya?

Dalam kes S. Deepa pula, jalan ceritanya agak sama, cuma kes telah sampai kepada Mahkamah Persekutuan yang memutuskan untuk memisahkan hak penjagaan, di mana anak lelaki diberikan kepada bapa Muslim dan anak perempuan kepada ibu Hindu.

Pada masa yang sama, Mahkamah Persekutuan juga memutuskan bahawa masalah hak penjagaan atau perceraian perkahwinan sivil hanya boleh dikendalikan oleh mahkamah sivil dan bukan syariah, kecuali kedua-dua suami dan isteri itu Muslim. Sekurang-kurangnya hal ini telah dijelaskan. Namun begitu, Mahkamah Persekutuan tidak menjelaskan sama ada mahkamah sivil atau syariah yang mempunyai kuasa untuk menentukan status keagamaan anak yang ditukar agama secara unilateral kepada Islam.

### Dilema sistem kehakiman

**Tuan yang dipertua,**

Daripada kes-kes yang dinyatakan tadi, jelas terdapat beberapa persoalan besar yang belum diselesaikan. Pertama, bagaimana untuk menangani penukaran agama kanak-kanak bawah umur secara unilateral. Kedua, perintah mahkamah manakah yang sepatutnya dituruti oleh pihak penguatkuasa apabila terdapat perintah bercanggah daripada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah. Ketiga, di manakah hak remedi seorang bukan Muslim dalam kes yang membabitkan Mahkamah Syariah. Akhir sekali, dan saya kira paling pokok sekali, bagaimana untuk menyelesaikan masalah bidang kuasa mahkamah yang timbul ini.

Kekusutan yang melingkari persoalan-persoalan ini memerlukan penyelesaian tuntas yang tidak boleh lari daripada akar kepada permasalahan ini sendiri, iaitu bidang kuasa mahkamah yang tidak jelas. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku jika kita memegang kepada semangat asal Perlembagaan.

Di bawah Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi negara kita, terdapat pemisahan kuasa yang jelas dalam tiga badan utama. Setiap badan mempunyai kuasa mutlak *(plenary authority)* ke atas bidang kuasa masing-masing, yakni kuasa eksekutif Persekutuan di bawah Yang di-Pertuan Agong, kuasa legislatif Persekutuan di bawah Parlimen, dan kuasa kehakiman Persekutuan di bawah "dua Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya," iaitu satu di Malaya dan satu di Borneo, serta "mana-mana mahkamah bawahan yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan."

Namun, dalam pindaan Perlembagaan pada tahun 1988, berikutan krisis kehakiman yang dicetuskan oleh penyingkiran Ketua Hakim Negara dan beberapa Hakim Mahkamah Agung, kuasa mutlak kehakiman Persekutuan telah dilucutkan daripada mahkamah. Setelah dipinda, Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan kini menyebut bahawa mahkamah hanya mempunyai "apa-apa bidang kuasa dan kuasa yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan."

Dalam erti kata lain, sebelum pindaan, kuasa mutlak kehakiman Persekutuan terletak di bawah Mahkamah. Kini, kuasa mahkamah terletak di bawah atau diperolehi daripada undang-undang Persekutuan. Ini bukan sahaja merampas kuasa badan kehakiman tetapi juga merosakkan taraf salah sebuah badan utama Perlembagaan yang sepatutnya berkuasa mutlak ke atas bidang kuasanya.

Sekali dengan pindaan ini, maka Perkara 121(1A) telah ditambah bagi memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi "tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah." Hal ini lantas mewujudkan dua sistem keadilan yang selari *(parallel systems of justice)* di Malaysia, di mana Mahkamah Syariah kini beroperasi secara selari dengan mahkamah sivil.

Sistem selari ini menimbulkan pelbagai masalah, khususnya dalam kes seperti yang dinyatakan di atas, apabila melibatkan bukan Muslim dalam kes syariah. Persoalan yang timbul adalah, bagaimana untuk memastikan hak keadilan dan pembelaan saksama?

Jika kita kembali kepada Perlembagaan, Perkara 75 menyatakan bahawa undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang Negeri, manakala Perkara 4 menyatakan Perlembagaan Persekutuan mengatasi semua undang-undang lain. Hal ini jelas dan tidak dipertikaikan. Namun dalam kes Indira Gandhi, umpamanya, kelihatannya tiada undang-undang yang dapat membela ibu malang ini – Mahkamah Syariah tidak boleh, mahkamah sivil juga tidak boleh. Oleh yang demikian, ke manakah harus si ibu ini tujukan nasibnya?

Inilah persoalan besar yang timbul ekoran pindaan Perlembagaan Persekutuan yang dibuat pada tahun 1988, iaitu masalah akibat kewujudan dua sistem keadilan yang selari. Persoalannya – siapa menjadi pemutus muktamad (final arbiter) dalam segala isu pertikaian undang-undang, termasuk dalam kes di mana bidang kuasanya tidak jelas?

Di bawah Perkara 128(1) dan (2) Perlembagaan, Mahkamah Persekutuan merupakan kuasa kehakiman tertinggi dan seharusnya menjadi pemutus muktamad dalam "apa-apa soal sama ada sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan sesuatu Negeri adalah tidak sah" berdasarkan kepada bidang kuasanya, pertikaian antara Negeri dengan Negeri atau antara Negeri dengan Persekutuan, serta dalam memutuskan soal yang berkaitan dengan Perlembagaan apabila dirujuk kepadanya oleh mana-mana mahkamah lain.

Pada masa yang sama, jika Perkara 121(1A) diteliti, pengasingan bidang kuasa Mahkamah Syariah itu jelas hanya tertakluk kepada Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan, dan tidak kepada Mahkamah Rayuan dan Persekutuan. Maka, sepatutnya, tidak timbul isu di mana mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa ke atas kes-kes seperti di atas, dan bukan seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes Indira Gandhi.

Namun begitu, masalah bidang kuasa yang tidak jelas ini timbul akibat peruntukan di bawah Seksyen 81 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang menyatakan bahawa bidang kuasa asal Mahkamah Persekutuan yang termaktub dalam Perkara 128(1) dan (2) Perlembagaan "hendaklah mempunyai bidang kuasa yang sama dan boleh menjalankan kuasa yang sama seperti yang dipunyai dan boleh dijalankan oleh Mahkamah Tinggi."

Ini sekaligus mengehadkan kuasa Mahkamah Persekutuan! Sepatutnya, sepertimana kita tahu, peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan mengatasi undang-undang Persekutuan. Maksudnya, Perkara 128 Perlembagaan sepatutnya mengatasi Seksyen 81 Akta Mahkamah Kehakiman. Tetapi, oleh kerana pindaan pada tahun 1988, kuasa mahkamah kini terhad kepada "apa-apa bidang kuasa dan kuasa yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan." Dalam erti kata lain, oleh kerana kuasa mahkamah kini dihadkan kepada apa yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan, maka Seksyen 81 Akta Mahkamah Kehakiman kini mengekang Mahkamah Persekutuan daripada fungsi dan bidang kuasa sebenarnya.

### Kembalikan status Mahkamah Persekutuan

**Tuan yang dipertua,**

Pindaan semberono yang dibuat pada tahun 1988 telah meninggalkan warisan yang buruk kepada negara kita dan mencetuskan krisis Perlembagaan dan penafian hak dan kebebasan asasi rakyat seperti yang berlaku dlm kes-kes S. Deepa dan Indira Gandhi.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar Mahkamah Persekutuan dikembalikan tarafnya sebagai pemutus muktamad dalam segala isu undang-undang, yakni sebagai Mahkamah Perlembagaan. Malah, ini boleh dibuat dengan mudah tanpa pindaan Perlembagaan atau apa-apa perubahan kepada Perkara 121.

Penyelesaian kepada masalah ini boleh dicapai melalui pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman dalam dua perkara. Pertamanya, pendefinisian bidang kuasa Mahkamah Persekutuan harus menyatakan dengan jelas bahawa Mahkamah Persekutuan tidak dihadkan kepada bidang kuasa yang sama dengan Mahkamah Tinggi.

Kedua, satu prosedur harus diperkenalkan bagi membenarkan pengemukaan petisyen secara langsung kepada Mahkamah Persekutuan dalam hal-hal yang melibatkan hak dan kebebasan asasi, termasuk dalam kes-kes yang melibatkan Perkara 121(1A) di mana Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa.

Prosedur ini boleh mengikut tatacara yang diperuntukkan oleh Perlembagaan India, iaitu model rujukan kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia, di mana Perkara 32 Perlembagaan India memberi hak untuk mengemukakan petisyen secara langsung kepada Mahkamah Agung bagi menguatkuasakan hak dan kebebasan asasi yang dijamin oleh Perlembagaan. Tambahan pula, Mahkamah Agung diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah termasuk *writ habeas corpus, mandamus, prohibition, quo warranto* and *certiorari*, atau apa-apa yang sesuai, bagi penguatkuasaan hak tersebut.

Pindaan sedemikian boleh dengan mudah ditambah kepada Akta Mahkamah Kehakiman, sekaligus menyelesaikan kemelut kehakiman yang sedia ada. Dengan pindaan ini, masa tidak perlu dibazir, seperti dalam kes Indira Gandhi, di mana selepas menderita tujuh tahun, kes beliau masih belum sampai ke Mahkamah Persekutuan. Jika sudah jelas bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa ke atas isu yang melibatkan Perkara 121(1A), maka mengapakah beliau terpaksa melalui segala prosedur yang tidak mendatangkan hasil? Tidakkah lebih baik diwujudkan mekanisme untuk mendapat remedi secara langsung daripada Mahkamah Persekutuan?

Lebih penting lagi, pindaan sedemikian juga akan mengembalikan status Mahkamah Persekutuan sebagai Mahkamah Perlembagaan yang dapat mempertahankan hak semua rakyat Malaysia yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan memastikan tidak ada lagi warganegara yang tidak terbela.

Sekian, terima kasih.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Dahalan Fazil | 019 - 727 4388 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin | 012 - 594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 010 - 542 9158 | Mohd. Zaki Ismail |
| N2 | Bertam | 019 - 593 3736 | Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | 019 - 556 4664 | R. M Reza |
| N5 | Sungai Dua | 013 - 417 3068 | Siti Zunnurain Zulkafli |
| N6 | Telok Air Tawar | 016 - 463 3866 | Malik Bakar |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | Kamal<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 0111-508 0215 | Siti Hajar Abdul Aziz |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | Benji Ang<br>Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | 010 - 773 2395 | Firdaus |
| N39 | Pulau Betong | 016 - 407 2135 | Zulkiflee Ahmad |
| N40 | Telok Bahang | 017 - 413 5695 | Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2016

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Goh Choon Aik | 04-588 3045<br>019 457 3222 |
| Alias Wan Chek | 019 - 540 4553 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 012 - 465 4419 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorty | Seberang Perai Tengah | - | 019 - 457 2271 |
| 5. | R. Gunalan | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 011 - 2666 6901 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2016

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016 - 417 1331 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack | 017 - 473 0194 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |





## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN
“Ini bermakna, selain memberi pendedahan, projek ini turut mendidik para peserta tentang kepentingan pengasingan sisa di punca pada semua peringkat organisasi termasuk amalan-amalan murni ke arah sebuah negara yang lestari.

“Malah, kita turut menghebahkan penggunaan aplikasi mudah alih yang diperkenalkan PGC iaitu *Trash2Treasure* dalam usaha memastikan hayat tapak pelupusan sampah dilanjutkan,” katanya pada Majlis Perasmian Projek Jiwa Murni di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Kumpulan Kreatif dan Inovasi (KKI) Unit KDSP merupakan penyelaras utama Projek Jiwa Murni kali ini.

Jelas Rosli, projek berkaitan adalah hasil cetusan Kementerian Pertahanan Malaysia (MinDef) dalam mendekatkan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan komuniti setempat mengikut keperluan semasa.

“Menerusi projek ini, warga TLDM dapat mendekati masyarakat umum dan memberi khidmat bakti bagi menjayakan program-program atau projek komuniti di sesuatu kawasan,” ujarnya yang turut merakam penghargaan kepada PGC, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) dari universiti-universiti awam yang terlibat.

Seramai 200 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai TLDM, PALAPES dan pelajar terlibat dalam projek berkaitan.



LEFTENAN Komander Rosli Othman (empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama anggota Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM) dan wakil PGC selepas selesai taklimat mengenai Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di sini baru-baru ini.




PARA Pegawai Kadet PALAPES-Laut USM dan UUM bergambar kenangan setelah selesai aktiviti pengumpulan barang-barang terpakai.

# Juara Piala Khir Johari terima insentif penghargaan RM14,000

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU UBAN –** Selepas 54 tahun penantian, Pasukan Sepak Takraw Pulau Pinang (PSTPP) baru-baru ini berjaya merangkul kejuaraan Piala Khir Johari, iaitu piala paling berprestij di peringkat kebangsaan.

Susulan itu, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng menyampaikan insentif penghargaan berjumlah RM14,000 kepada pemain, jurulatih dan pengurus pasukan negeri peruntukan daripada PSTPP.

"Kerajaan Negeri tidak pernah dan tidak akan mengetepikan PSTPP walaupun Presidennya (Datuk Ahmad Ismail) merupakan pemimpin parti politik berlainan.

"Inilah semangat kesukanan yang kita maksudkan dengan tidak mencampurkan urusan politik dan sukan," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang itu berkata demikian dalam satu Majlis Penyampaian Insentif Penghargaan PSTPP kepada pemain di Kompleks Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah MSNPP Frederick Tan Teck An, B.C Cheah (Timbalan Pengerusi II MSNPP) dan Jeffari Abd. Malek (Pengurus Pasukan).

Di sebalik kejayaan itu, Ahmad memberitahu bahawa beliau sendiri mengambil langkah berani dengan merombak pasukan negeri dari segi pemilihan pemain serta barisan jurulatih.

"Alhamdulillah, berkat kerjasama erat dan kesungguhan pemain, kita berjaya menamatkan kemarau panjang ini di mana satu ketika dahulu kita juga jaguh sepak takraw," ujarnya.

Manakala, Ketua Pasukan, Mohamad Fazil Mohd. Asri, 26, pula melahirkan rasa bangga kerana kejayaan tersebut sekaligus mengharumkan nama Pulau Pinang.

Beliau merupakan pemain kelahiran Permatang Pauh yang juga pernah mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mutiara Impian (sekolah sukan).

Seawal usia 13 tahun, Mohamad Fazil tidak menoleh ke belakang lagi apabila kerap mewakili sekolah, kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) mewakili Pulau Pinang semenjak tahun 2006, 2008 dan 2010.

Di peringkat antarabangsa, empat kali berturut-turut beliau membawa pulang pingat perak selepas beraksi dalam Sukan SEA 2009, 2011, 2013 dan 2015.



**CHONG Eng (berbaju jingga) bersama-sama Mohamad Fazil Mohd. Asri (barisan terakhir, empat dari kiri) dan Mohammad Syahir Mohamad Rosdi (barisan terakhir, kiri sekali) menunjukkan medal dan piala-piala yang dimenangi pada Majlis Penyampaian Insentif Penghargaan Kepada PSTPP di sini baru-baru ini.**

Rakan sepasukannya, Mohammad Syahir Mohamad Rosdi yang juga pelajar SMK Mutiara Impian turut melahirkan rasa teruja kerana secara peribadi sekali lagi menjulang nama Pulau Pinang ke peringkat antarabangsa.

Difahamkan, pemain berketinggian 189 sentimeter berkenaan sebelum ini dilihat memainkan peranan penting menewaskan seteru utama, Thailand dalam Kejohanan Super Series Persatuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) di Melaka.

Kini, pasukan negeri sedang membuat persiapan menghadapi Kejohanan Grad Prix Kebangsaan, mulai April ini.

Pasukan negeri baru-baru ini merangkul kejuaraan selepas menundukkan pencabar dari Selangor, dengan kemenangan 2-0.

Kali terakhir PSTPP menjulang Piala Khir Johari adalah pada tahun 1962, selepas menewaskan pasukan Singapura di Stadium Negara.

# Negara tidak maju jika wanita dipinggirkan - Exco

**GEORGE TOWN –** Negara tidak akan maju sekiranya partisipasi golongan wanita dipinggir dan tidak dilibatkan secara bersama dalam agenda pembangunan, kata Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng.

Atas dasar itu, menurutnya, Kerajaan Negeri hari ini sentiasa mengambil langkah-langkah substantif serta proaktif ke arah kesaksamaan dan kesetaraan jantina.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak akan mencapai pembangunan lestari jika kaum wanita yang merangkumi sebahagian daripada populasi Pulau Pinang dan Malaysia tidak dilibatkan secara bersama dalam agenda pembangunan negara.

"Buktinya, bilangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita di negeri ini telah meningkat sebanyak 100 peratus dari tiga ADUN pada tahun 2008 kepada enam (2013).

"Begitu juga bilangan ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) wanita yang meningkat dari empat orang pada tahun 2015 kepada lapan (2016).

"Serentak itu, Pulau Pinang juga memiliki Datuk Bandar bagi MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) dan Yang di-Pertua bagi MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) yang merupakan antara wanita hebat menerajui kepimpinan PBT-PBT berkaitan," katanya pada Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia 2016 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar, Patahiyah Ismail, Pengarah Program Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Karen Lai Yu Lee dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah PWDC.

Mengulas lanjut, Chong Eng memberitahu, sejajar dengan tema 'Bersama Jaminkan Kesaksamaan', empat teras utama akan diberikan tumpuan bagi mencapai matlamat dinyatakan.

"Pertama adalah membantu wanita mencapai cita-cita dan potensi penuh; Kedua, keseimbangan gender atau jantina dalam aspek kepimpinan; Ketiga, menghormati serta menghargai perbezaan gender dalam keluarga, tempat kerja dan komuniti dan keempat, membina budaya hormat serta mengekang keganasan terhadap wanita,'' jelas beliau.





**ABDUL Malik Abul Kassim memberi sekuntum bunga kepada salah seorang peniaga di Pasar Awam Bayan Baru sempena sambutan Hari Wanita Sedunia baru-baru ini.**





**CHONG Eng (depan, enam dari kiri) bergambar kenangan dengan para peserta Bengkel Isu Wanita dan Gender di sini baru-baru ini.**

Dalam perkembangan lain, bersempena sambutan hari istimewa berkaitan, ADUN Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim telah mengedarkan 1,000 kuntum bunga teluki kepada pengunjung serta peniaga wanita di Pasar Kampung Naran, Pasar Bukit Gedung, Pasar Sungai Ara dan Pasar Awam Bayan baru-baru ini.

# Biskut Tambun Aisybina bukti ketabahan Rozana

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BISKUT** Tambun amat sinonim dengan negeri Pulau Pinang. Namun, adalah amat sukar untuk mendapatkan produk 100 peratus keluaran Bumiputera.

Hakikat tersebut disedari apabila bekas majikan penulis dari Kuala Lumpur menujukan soalan bagi mendapatkan produk berkaitan bersempena lawatan beliau ke Pulau Mutiara baru-baru ini.

"Errr, macam tiada, takpe biar saya *google*,'' jawab penulis ringkas.

Dengan bantuan seorang rakan, kami ternampak produk berjenama Aisybina. Apabila meneliti *reviews* di laman sosial para pembeli, semua amat berpuas hati dengan rasa produk berkenaan.

Walaupun tidak memiliki premis sendiri, Kuih Tambun Aisybina boleh diperoleh di Pasar Awam Chowrasta, premis Jeruk Pak Ali dan kedai-kedai runcit sekitar George Town.

Bagi mengenali pengasas serta menyelami proses pengeluaran kuih tersebut, Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara telah mengadakan kunjungan ke premis yang juga 'kilang' pembuatannya di No. 46, Jalan Kedah, George Town.

Agak sukar untuk kami menemui premis tersebut yang terletak di deretan rumah kedai yang panjang.

Disambut oleh pemiliknya, Rozana Yacob, 44. Mesra dan agak pemalu orangnya. Namun, menerusi perkongsian pengalamannya, tidak dinafikan bahawa beliau mempunyai semangat kental apabila sanggup menggadaikan semua barangan kemasnya sematamata untuk memajukan perniagaan yang diceburi sejak tahun 2007.

Kata Rozana, kegagalannya untuk memperoleh sebarang pinjaman daripada agensi-agensi berkaitan menyebabkan beliau tiada pilihan lain selain menggunakan modal sendiri dan menjual serta menggadai semua barangan kemas miliknya.

"Pada peringkat permulaan, memang rasa nak *give up*. Nak buat pinjaman tak dapat, malah tiada pihak pun yang layan kami.

"Nasib baik ada barang kemas. Memang rasa sayang, tapi bila saya ingatkan bahawa bila mati pun semua kena 'tinggal', jadi macam terubat balik.

"Saya sembahyang minta doa, masuk tahun ni macam boleh 'bernafas' sikit, Alhamdulillah,'' jelasnya yang merancang untuk mempelbagaikan lagi produk keluaran beliau.

Mengulas lanjut, Biskut Tambun Aisybina adalah olahan daripada resipi asal rakan berbangsa Cina dikenali suaminya, Iqbal Haider, 49.

"Suami memang sudah mempunyai pengalaman berbelas tahun dalam pembuatan biskut tambun. Dia memang *expert*.

"Justeru, kami olah balik (resepi) menggunakan 100 peratus bahanbahan halal bagi memenuhi pasaran serta pemintaan Muslim tempatan,'' katanya.

Rozana memberitahu, pada tahun 2007 (kali pertama mencuba), sebanyak 5 kilogram (kg) kacang hijau digunakan.

"Masa tu, kami guna blender rumah, bila dah siap, kami bagi kedai-kedai dan kawan-kawan cuba. Majoriti kata *okay* dan sedap.

"Namun, agak mencabar untuk menjual produk ini. Malah, penjualannya ketika itu memang tidak dapat menampung jumlah modal dan perbelanjaan.

"Saya duduk berfikir, memang tidak boleh hanya tumpu satu produk sahaja, maka, saya minta suami pergi belajar membuat roti benggali sebagai produk sampingan, hasilnya, sekurang-kurangnya pulangan yang diperoleh dapat digunakan untuk membayar duit kedai,'' ujar beliau.



BISKUT Tambun Aisybina.


ROZANA Yacob atau Kak Ros.

Berasaskan prinsip 'buat kerja jangan hangat-hangat taik ayam', antara produk yang dihasilkan atas nama Aisybina adalah seperti roti berinti kacang merah, berinti kaya, *sweet roll* serta lain-lain mengikut permintaan dan tempahan semasa.

Malah, biskut tambun yang dihasilkan kini telah mencecah 30 hingga 40kg dalam tempoh seminggu.

Ketika ditanya mengenai proses pembuatan kuih tambun, Rozana menyatakan bahawa ia adalah amat cerewet.

"Buat kuih tambun terbahagi kepada dua peringkat. Satu hari buat inti dan keesokannya baru buat kulit dan membentuk ia.

"Bahan-bahan inti perlu dicuci bersih. Kulit biskut tambun pula terbahagi kepada dua atau tiga lapis. Bagi membentuk bentuk 'bulatnya', ia perlu dibuat sebiji demi sebiji menggunakan acuan khas,'' jelasnya yang dikurniakan lima cahaya mata.

Ketika ditanya mengenai nama Aisybina, Rozana menjelaskan bahawa 'Aisy' diambil daripada perkataan Arab bermaksud mewah dan kaya-raya.

"Nak letak 'Aisy' sahaja macam pendek sangat. Pada masa itu, terkenang arwah bapa yang sebelum ini terlibat dalam bidang binaan.

"Maka, saya fikir, 'bina' maksudnya sentiasa berkembang... maka, terbentuklah nama 'Aisybina','' ujarnya.

Bagi perancangan masa depan, Rozana yang juga terlibat dalam bidang katering ingin memahiri teknik-teknik pembuatan kek, sos dan lain-lain produk bagi dipasarkan menggunakan nama Aisybina.

"Saya bercita-cita membuat sebanyak mungkin produk Islam.

"Apa yang saya minta adalah doakan saya untuk mendapat sebuah kedai bagi membolehkan saya memasarkan produk-produk saya.

"Saya juga mengalu-alukan sebaran maklum balas berkaitan produk saya dan pada aspek sumbangan, saya berserah kepada pihak-pihak berkaitan,'' katanya sambil memberi jaminan bahawa Biskut Tambun Aisybina keluaran beliau adalah lembut, halal dan 'segar'.

**INFO :**
**AISYBINA SDN. BHD.**
**No. 46, Jalan Kedah, 10050 Pulau Pinang.**
**No. Tel. : 016 – 455 7094 (Rozana atau Kak Ros) ; 016 – 473 2942 (Iqbal)**


ROTI benggali juga merupakan salah satu produk utama.


JENIS roti-roti yang dipasarkan dan ditempah dari semasa ke semasa.

# ASINGKAN SAMPAH ANDA



HOTLINE:
MBPP : 04-263 7637
MPSP : 04-549 7555
Penang Green Council : 04-250 3322

## PENGENALAN




Pengasingan sisa di punca akan dilaksanakan di seluruh Negeri Pulau Pinang bermula **1 Jun 2016**. Semua premis diwajibkan untuk mengasingkan sisa sekurang-kurangnya kepada dua aliran iaitu sisa kitar semula kering dan sisa baki.




## JENIS SISA

### SISA KITAR SEMULA



CONTOH: surat khabar / kotak / majalah / kadbod / buku

**KERTAS**



CONTOH: Botol plastik/ bekas plastik/ beg plastik/bekas makanan plastik/ baldi plastik

**PLASTIK**



CONTOH: Botol kicap / botol minuman / pasu seramik / pinggan

**KACA/SERAMIK**



CONTOH: Tin aluminium / tin makanan / besi / logam

**TIN ALUMINIUM/ BESI/LOGAM**

### SISA BAKI



CONTOH: Kulit buah-buahan / sayur- sayuran / kulit telur /nasi

**SISA MAKANAN**



CONTOH: Lampin pakai buang / tisu kotor / bahan-bahan kotor / kotak / kertas tercemar

**SISA KOTOR**

## TAHUKAH ANDA?



**SILA IKAT SURAT KHABAR LAMA** dengan kemas sebelum dibuang ke dalam tong kitar semula.



Anda juga boleh menghantar barangan elektrik yang telah rosak ke pusat kitar semula yang **MENGUMPUL SISA ELEKTRONIK.**



**BERSIH DAN KERINGKAN** bekas minuman, bekas plastik, bekas kaca, atau tin aluminium yang mengandungi sisa sebelum dibuang ke dalam tong kitar semula



Pembungkus makanan atau minuman yang mengandungi LOGO ♻ dapat dikitar semula.

**SETIAP HARI**



Setiap penduduk di Pulau Pinang membuang lebih kurang **1.1 kg sampah.**



**1700 - 1800 tan sampah** dibuang ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung

## KADAR KITAR SEMULA

| Negara | Malaysia (Sasaran 2020) | Pulau Pinang | Switzerland | German |
|---|---|---|---|---|
| Kadar Kitar Semula | 22% | 32% | 52% | 87% |







Kami telah menjalankan satu kajian soal selidik mengenai tanggapan penduduk di Pulau Pinang terhadap pengasingan sisa di punca dan amalan 3R dari 29 Julai 2015 sehingga 29 september 2015. Sejumlah 1,484 orang responden telah memberi maklum balas terhadap kajian tersebut.

# Terminal Bas Sg. Nibong bukan 'pekan koboi' – Ahli Majlis

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**




KELIHATAN skrin paparan perjalanan, penyediaan sistem pembayaran auto untuk kemasukan bas dan lain-lain kemudahan yang siap dinaiktaraf.

**PANTAI JEREJAK –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menolak andaian bahawa Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong adalah stesen bas 'pekan koboi' sebagaimana yang dilaporkan sebuah akhbar bertarikh 16 Januari lalu berdasarkan dakwaan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang berkata, penulis akhbar berkenaan seharusnya menjalankan siasatan terlebih dahulu tentang perkara yang diadukan sebelum menulis laporan berkaitan.

"Kita (MBPP) membelanjakan RM580,000 untuk menaiktaraf 11 kemudahan yang terdapat di terminal ini pada tahun 2015.

"Antaranya, pemasangan empat skrin paparan perjalanan, penyediaan sistem pembayaran auto untuk kemasukan bas, pemasangan 40 unit kamera litar tertutup (CCTV) dan butang panik, menaiktaraf penghawa dingin, penyediaaan laluan kenderaan pengangkutan awam, pembinaan bumbung motosikal, menukar pemegang tangga kepada anti-karat, penyediaan papan tanda baharu, membaiki tempat duduk menunggu, menyediakan papan kenyataan kehilangan barang serta bagasi dan juga inisiatif mengecat semula terminal.

"Justeru, adalah tidak benar sekiranya menyatakan bahawa Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong adalah stesen bas 'pekan koboi' sebagaimana didakwa Persatuan Pelancongan dan Warisan Melayu Pulau Pinang (SAHABAT)," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Majlis MBPP, Mohamed Yusoff Mohamed Noor.

Mengulas lanjut, Soon Siang memberitahu, bagi 2016, MBPP memperuntukkan RM500,000 untuk menaiktaraf terminal tersebut seperti tangga elektrik, pemasangan pagar serta tembok baharu dan menyiapkan landskap taman mini di dalam kawasan terminal.

Dalam pada itu, Mohamed Yusoff memberitahu, MBPP mempunyai jadual dan fasa proses penaiktarafan Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong.

Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong yang dibina sejak tahun 2004 berkaitan mempunyai 41 kaunter tiket bas, kedai dan restoran (7), platform bas (12), lif penumpang (2), kemudahan WiFi percuma dan *ramp* khas serta tandas bagi kemudahan orang kurang upaya (OKU).



JOSEPH Ng Soon Siang (kanan sekali) dan Mohamed Yusoff Mohamed Noor (kiri sekali) memerhatikan skrin bilik kawalan CCTV Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong di sini baru-baru ini.

- 2015 : MBPP membelanjakan RM580,000 untuk menaiktaraf 11 kemudahan di terminal ini.
- 2016 : MBPP memperuntukkan RM500,000 untuk menaiktaraf terminal seperti tangga elektrik, pemasangan pagar serta tembok baharu dan menyiapkan landskap taman mini di dalam kawasan terminal.




ALAT *'Automated External Defribillator'* (AED) yang turut diletakkan di kawasan terminal bagi kepentingan pesakit jantung khususnya.

## Pertukaran kakitangan antara MPSP, MBPP kini terbuka

**BERTAM –** Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) yang diluluskan Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) membolehkan pelantikan atau pertukaran kakitangan berwajib secara terbuka di semua negeri.

Chow Kon Yeow berharap kelulusan itu menyemarak lagi semangat federalisme membabitkan bidang kuasa-kuasa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT.

"Sebelum ini, perjawatan di PBT adalah perkhidmatan tertutup, tetapi baru-baru ini MNKT baru meluluskan suruhanjaya ini.

"Peringkat permulaan kita ini, (Kerajaan Negeri) akan mula di peringkat negeri Pulau Pinang sahaja.

"Maksudnya, di peringkat MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) dan MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai), pegawai serta kakitangan boleh berlaku pertukaran atau pelantikan atau kenaikan pangkat di antara dua PBT ini," jelas Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir berkaitan kepada pemberita.

Kon Yeow berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penghargaan Pesara 2016 & Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 Bagi MPSP di Dewan Milenium Kepala Batas di sini baru-baru ini.

Pun begitu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota menjelaskan, pelantikan Yang di-Pertua Majlis atau Datuk Bandar, Setiausaha Majlis serta barisan Ahli Majlis masih memerlukan kelulusan pihak berkuasa negeri.

Dalam pada itu, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif pula melahirkan harapan agar PBT itu mencapai sasaran dipilih sebagai "PBT 5 Bintang" pada tahun ini.

"Tahun lepas, MPSP mendapat 4 bintang, namun pada tahun ini, kita (MPSP) berharap untuk mencapai *target* PBT 5 bintang," ujarnya.

Pada majlis tersebut, seramai 21 pegawai dan kakitangan MPSP daripada pelbagai peringkat jawatan dan perkhidmatan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) untuk tahun 2015.

Seramai 84 pesara, termasuk 14 wakil kakitangan MPSP yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan turut diberi anugerah serta diraikan pada majlis jamuan tersebut.



JUDITH Tan Joo Tee (kiri sekali) merupakan antara penerima APC 2015 MPSP pada Majlis Penghargaan Pesara 2016 dan Majlis APC 2015 di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Maimunah memberitahu bahawa pada tahun lalu, seramai 135 kakitangan ditamatkan lantikan perkhidmatan, tidak diperbaharui kontrak (26) serta dibuang kerja (8), demi meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan di PBT berkenaan.

Sementara itu, Penolong Pengarah Jabatan Kemasyarakatan MPSP, Judith Tan Joo Tee melahirkan penghargaan kerana tersenarai sebagai penerima APC.

"Terima kasih kerana saya terpilih sebagai penerima, ini pasti akan memberi semangat kepada saya dan pasukan saya untuk memberi khidmat terbaik kepada majikan serta pelanggan MPSP," jelas beliau.

# MBPP anjur bengkel bina bangunan mesra pengguna OKU

Oleh : **S. HEMAWATHI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Bengkel Rekabentuk Sejagat dan Aksesibiliti Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dirangka khas untuk menerapkan ciri-ciri berkaitan dalam aspek pembinaan bangunan serta penyediaan prasarana yang mesra pengguna di Pulau Pinang.

Pengarah Kawalan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang berkata, bengkel tersebut diadakan dalam usaha meningkatkan pemahaman tentang keperluan dan kemudahan golongan OKU dalam sesebuah bangunan.

"Menerusi perbincangan, peserta bengkel dapat mengambil pertimbangan wajar sebelum meluluskan cadangan pelan pembangunan serta mengesahkan sama ada bangunan tersebut dilengkapi dengan kemudahan OKU ataupun sebaliknya.

"Bengkel ini merupakan kesinambungan penganjuran (bengkel-bengkel) terdahulu dalam usaha melaksanakan piawaian sebagaimana digariskan Jabatan Standard Malaysia berkaitan OKU.

"Serentak itu, ia juga bagi memberi pendedahan tentang aplikasi konsep bebas halangan dan rekabentuk sejagat, bukan sahaja untuk OKU, malah warga emas serta kanak-kanak dalam struktur binaan semua tipologi bangunan seperti sekolah, bangunan kerajaan dan sebagainya," katanya pada penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.

Bengkel sehari berkaitan dihadiri 80 peserta daripada pelbagai jurusan akademik, kakitangan perkhidmatan awam, swasta, pihak berkuasa tempatan (PBT), badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta wakil-wakil dari agensi berwajib berhubung kendalian industri binaan bangunan.

Antara penceramah yang dijemput ialah Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (Perancangan dan Pengurusan Pembangunan) Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr. Tiun Ling Ta dan Ir. Tan Bee Eu (Pertubuhan Arkitek Malaysia, PAM).

Turut mengambil bahagian, Pengurus Pusat Advokasi, Penyelidikan dan Pemerkasaan Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta Malaysia (NCBM), Wong Yoon Loong.



**WONG Yoon Loong menunjukkan demonstrasi berhubung cabaran yang dihadapi OKU cacat penglihatan bersempena penganjuran Bengkel Rekabentuk Sejagat Dan Aksesibiliti Kemudahan OKU di sini baru-baru ini.**

## Dua hotel bajet tanpa lesen hadapi tindakan penguatkuasaan



**BEBERAPA anggota penguatkuasa yang terlibat dalam operasi penguatkuasaan terhadap hotel bajet yang beroperasi tanpa lesen di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Dua lagi hotel bajet yang beroperasi tanpa lesen di sini menghadapi tindakan penguatkuasaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini.

Jurucakap pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut memberitahu, penguatkuasaan ke atas Hotel Lemon Inn dan *Jim's Place Guest House* adalah selepas MBPP mengeluarkan notis-notis berwajib.

"Tindakan yang diambil adalah selaras dengan notis di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan yang dikeluarkan pada Disember tahun lalu.

"Sehingga kini, pengusaha hotel masih gagal mematuhi kehendak notis berkenaan dan tidak mendapatkan kelulusan MBPP untuk beroperasi di premis tersebut," katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Tegasnya, MBPP melaksanakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa, berdasarkan aduan dan informasi yang diterima.

"Sebanyak 51 hotel baharu dikenalpasti beroperasi tanpa lesen berwajib," ujarnya.

Difahamkan, operasi bersepadu itu disertai oleh pegawai Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Pelesenan, Jabatan Konservasi Warisan serta 14 penguatkuasa MBPP.

Turut serta, anggota polis dan seorang anggota tentera.

Dalam operasi itu, beberapa struktur dalaman premis berkaitan dirobohkan, papan tanda hotel diturunkan, selain, turut dirampas tilam, katil, perabot dan televisyen.

## Tiada perangkap longkang, punca masalah tersumbat



**KEADAAN longkang yang dipenuhi dengan sampah-sarap.**

**BAYAN LEPAS –** Sikap sambil lewa terhadap kepentingan menjaga kebersihan dan pemasangan perangkap longkang adalah antara punca utama menyebabkan masalah longkang berbau, berkeladak serta tersumbat di sekitar Pasar Awam Bayan Lepas di sini.

Lanjutan daripada aduan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pekan Bayan Lepas berhubung masalah berbangkit, Ahli-ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Gan Ay Ling, Ahmad Razaaim Azimi dan Saiful Azwan Abd. Malik bersama-sama sekumpulan kakitangan dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) MBPP bertindak turun padang bagi menyelami permasalahan yang dihadapi.

Ay Ling berkata, lebih memburukkan keadaan adalah apabila sisa penyembelihan ayam dipercayai turut dibuang terus ke dalam longkang.

"Sisa ayam yang mendap dan terkumpul menyebabkan air tidak boleh mengalir ke longkang besar. Ini merupakan punca air bertakung dan seterusnya berbau.

"Keadaan bertambah serius apabila plastik, botol dan sampah turut ditemui di dalam longkang," katanya ketika ditemui pada sesi lawatan berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah JPP MBPP, Mubarak Junus, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dan Pengerusi JKKKnya, Mohd. Hairani Yusof.

Rentetan itu, Ay Ling memberitahu bahawa beliau akan memanjangkan perkara tersebut kepada jabatan berkaitan agar tindakan selanjutnya dapat diambil pada kadar secepat mungkin.

"Berhubung masalah longkang tersumbat, Encik Mubarak (Mubarak) dah bersetuju untuk menempatkan kakitangan tambahan bagi menyelenggara longkang di kawasan ini setiap hari.

"Manakala, berhubung masalah peniaga ayam yang tidak mematuhi undang-undang, kita akan merujuknya kepada Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP untuk tindakan selanjutnya," ujar beliau.

# Exco Perumahan syor kaji semula prosedur lulus HAPPY!

**BAGAN JERMAL –** Sehingga kini, baru 24 projek di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) diluluskan untuk membaikpulih rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah di negeri ini, manakala 144 yang lain didakwa masih dilengah-lengahkan oleh Kerajaan Pusat.

Justeru, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri akan mengkaji semula prosedur kelulusan peruntukan HAPPY! atau Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang.

"Sebelum ini, kita (Kerajaan Negeri) hanya meluluskan HAPPY apabila TP1M diluluskan oleh Pusat.

"Jadi, saya cadang kita (Kerajaan Negeri) kaji semula dana yang disalurkan kepada pemohon," kata Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan berkenaan di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pemasangan Lif Rumah Pangsa Bungah Tanjong yang menelan belanja RM117,236 di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal merangkap Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng dan Phee Boon Poh (ADUN Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar).



KETUA Menteri sambil ditemani Jagdeep Singh Deo (barisan depan, kiri sekali) menandatangani plak sebagai merasmikan Majlis Pemasangan Lif Rumah Pangsa Bungah Tanjong di sini baru-baru ini.

Semasa berucap, Guan Eng memuji badan pengurusan bersama (JMB) setempat kerana turut menyumbang RM23,447 untuk projek penyelenggaraan itu.

"Ini adalah sebahagian perkongsian, kita (Kerajaan Negeri) selesaikan masalah bersama secara bersama," ujar Ahli Parlimen Bagan itu.

Difahamkan, bagi tiap-tiap TP1M yang diluluskan, HAPPY! bakal membiayai 10 peratus hingga 30 peratus baki kos penyelenggaan perumahan, yang sepatutnya ditanggung oleh penduduk berwajib.

Sebanyak 48 permohonan HAPPY! diluluskan sejak skim itu diperkenalkan, sedangkan Kerajaan Pusat dalam tempoh sama meluluskan 24 projek TP1M sahaja.

Direkodkan, sebanyak RM1 juta peruntukan HAPPY! telahpun dibelanjakan pada tahun 2013, diikuti, RM2.4 juta (2014) dan RM2.8 juta (2015).

## Tuisyen percuma tingkat kecemerlangan pelajar



SEBAHAGIAN pelajar meneliti bahan-bahan rujukan yang disediakan.



R.S.N. Rayer (barisan kedua, tiga dari kanan) bersama-sama Ramkarpal Singh (barisan kedua, dua dari kanan) dan barisan Ahli Majlis MBPP bergambar kenangan dengan para pelajar pada Majlis Pelancaran Program Kelas Tuisyen Khas di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

**SERI DELIMA –** Dalam usaha meningkatkan tahap kecemerlangan pada aspek pendidikan para pelajar dari golongan yang memerlukan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer mengambil inisiatif khas melancarkan Program Kelas Tuisyen Khas di sini baru-baru ini.

Rayer berkata, hampir RM55,000 diperuntukan dalam tempoh setahun bagi membiayai operasi tuisyen percuma yang diadakan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Gelugor.

"Peruntukan tersebut merangkumi bayaran tenaga pengajar, utiliti, peralatan dan alat bantuan alat mengajar.

"Pendekatan yang diambil ini adalah inisiatif kecil saya bagi membantu para pelajar dan golongan yang memerlukan," katanya pada Majlis Pelancaran Program Kelas Tuisyen Khas di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mhd. Nasir Yahya, Syerleena Abdul Rashid dan D.R. Kala.

Mengulas lanjut, Rayer memberitahu bahawa, program tersebut diadakan khas kepada para pelajar di Taman Tun Sardon yang bakal menduduki peperiksaan penting seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi Tahun 6 dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Tingkatan 5.

"Antara subjek-subjek yang diajar adalah Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik," jelas beliau.

# Anak Malaysia di luar negara pun perlu biasiswa JPA, tegas KM

**AIR PUTIH –** Pengubahsuaian Bajet 2016 Kerajaan Pusat sepatutnya tidak mengurangkan jumlah biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk anak Malaysia yang cemerlang, termasuk dari Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, sepatutnya biasiswa JPA perlu dinikmati oleh mereka yang melanjutkan pengajian di luar negara juga.

"Kerajaan Pulau Pinang hanya berikan biasiswa kepada pelajar cemerlang di universiti tempatan sahaja, tetapi kini, Kerajaan Pusat pun seakan sudah sama taraf dengan Kerajaan Negeri apabila memberi biasiswa kepada pelajar universiti tempatan sahaja.

"Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) nak lihat semua pelajar tanpa kira kaum, agama, fahaman atau kita (sebagai) orang Pulau pinang sama-sama menikmati semua kesenangan (bantuan pendidikan)," katanya pada Majlis Bantuan Pelajar Kurang Mampu Sekolah-Sekolah Rendah Dan Menengah Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih di sini baru-baru ini.

Hadir sama, beberapa Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Joseph Ng Soon Siang, Chris Lee Chun Kit dan Syerleena Abdul Rashid, serta Pengerusi Pertubuhan Amal Seri Sinar, Datuk Dr. Edon Ching Ten Song.

Pada majlis sumbangan itu, seramai 300 pelajar kurang mampu dari tiga sekolah serta melalui lima Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) KADUN Air Putih menerima insentif berupa RM100 wang tunai, daripada sumbangan Pertubuhan Amal Seri Sinar.



KETUA Menteri bergambar kenangan dengan sebahagian penerima sumbangan pada Majlis Bantuan Pelajar Kurang Mampu Sekolah-Sekolah Rendah Dan Menengah Peringkat KADUN Air Putih di sini baru-baru ini.

Guan Eng dalam pada itu memberitahu, insentif tersebut adalah sebahagian daripada RM50,000 yang diperuntukan oleh pertubuhan amal berkaitan dalam usaha membantu pelajar-pelajar kurang mampu di KADUN Air Putih.

Itu, tidak termasuk inisiatif bantuan pendidikan sebanyak RM100 seorang kepada sejumlah pelajar terpilih dari kawasan Parlimen Bagan yang diwakilinya.

Difahamkan, penggubalan model biasiswa JPA baru-baru ini antara lain membabitkan pemberian biasiswa untuk 8,000 pelajar peringkat ijazah pertama dalam negara sahaja, berbanding 10,000 mahasiswa sebelum ini.



TIGA pelajar yang turut menerima sumbangan peringkat Parlimen Bagan.



SAMBIL ditemani ibunya, seorang pelajar menunjukkan sumbangan yang diterima.

Selain itu, Program Biasiswa Nasional dikurangkan daripada 50 kepada 20 pelajar terbaik lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian di universiti terkemuka di seluruh dunia.

Program Khas Kejuruteraan ke Jepun, Korea, Jerman dan Perancis kini untuk 200 orang sahaja, berbanding 300 penerima dahulu.

Manakala, Program Lepasan Busary bagi pengajian ijazah pertama universiti awam dan universiti swasta dalam negara dikecilkan daripada 1,000 orang kepada 744 pelajar sahaja.

# Kanak-kanak 8 tahun cari ibu kandung bagi lanjut pelajaran

Oleh : **S. HEMAWATHI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PAYA TERUBONG –** Seorang kanak-kanak berusia 8 tahun, Aiswarya Mahalakshimi merupakan seorang murid pintar di sekolahnya, namun beliau berkemungkinan tidak dapat meneruskan persekolahannya kerana tidak memiliki sijil kelahiran.

Penjaganya, S. Ravinderan, 55, seorang penyelia kilang, kini buntu dan terdesak untuk mencari ibu kandung Aiswarya Mahalakshimi, Ooi Siew Liew, 47.

Ravinderan berkata, Siew Liew pada tahun 2008 telah mengupah isterinya, K. Ambrapathy untuk menjaga Aiswarya Mahalakshimi yang pada ketika itu berusia dua bulan dengan upah RM300 sebulan.

"Namun, selepas tiga bulan, Siew Liew tidak lagi datang melawat anaknya (Aiswarya Mahalakshimi).

"Kami cuba hubunginya (Siew Liew), tetapi dia tidak dapat dihubungi sehingga kini. Kami percayai dia (Siew Liew) telah menukar nombor telefon bimbitnya dan alamat terakhir yang dikesan adalah di Paya Terubong," katanya pada sidang media yang diadakan di Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong dekat Bandar Baru Farlim di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Berkongsi lebih lanjut, Ravinderan memberitahu bahawa beliau juga telah ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan mendapati Aiswarya Mahalakshimi dilahirkan di Hospital Pulau Pinang (HPP) pada 22 Januari 2008 dengan nama didaftar sebagai Kusom Ooi Mei Sim.

Ekoran kegagalan mengesan Siew Liew, Ravinderan dan isteri mengambil keputusan untuk menjaganya dengan menukar nama panggilan kepada Aiswarya Mahalakshimi.

"Sungguhpun Aiswarya (Mahalakshimi) merupakan anak jagaan, namun, segala kelengkapan dia tetap terjaga termasuk pelajarannya.

"Cuma sekarang, dia menghadapi kesukaran untuk terus bersekolah kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri," jelas Ravinderan.

Dalam pada itu, Soon Hin menyatakan bahawa pihaknya kini dalam perbincangan dengan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi membantu Aiswarya Mahalakshimi meneruskan persekolahannya.

"Buat sementara waktu, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang telah meminta JPN untuk membenarkan pasangan tersebut menjadi penjaga sementara sehingga sijil kelahiran dapat dikeluarkan kepada kanak-kanak berkenaan.



YEOH Soon Hin (tengah) sambil ditemani S. Ravinderan (dua dari kiri) yang mendakap erat Aiswarya Mahalakshimi menunjukkan dokumen berkaitan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

"Ini termasuk meminta pihak JPN menyenaraihitamkan pasport ibu kandungnya sebagai salah satu usaha mengesannya," ujar beliau yang turut meminta orang ramai membantu mengesan Siew Liew.

Bagi sebarang maklumat lanjut, sila hubungi pejabat ADUN Paya Terubong di talian 04 - 827 8868.

Oleh : **ME**







## JADUAL PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA PULAU PINANG 2016

| | Sabtu | Pulau Pinang | Seberang Perai | Ahad | Pulau Pinang | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Mar | 5 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 6 | Pulau Tikus | Jawi |
| | 12 | Batu Uban | Machang Bubok | 13 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |
| | 19 | Paya Terubong | Sungai Acheh | 20 | Komtar | Pmtg Berangan |
| | 26 | Bagan Dalam | Sg Dua | 27 | Air Itam | Telok Air Tawar |
| Apr | 2 | Sungai Pinang | Sungai Puyu | 3 | Teluk Bahang | Penaga |
| | 9 | Pantai Jerjak | Penanti | 10 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya |
| | 16 | Batu Maung | Perai | 17 | Padang Kota | Bukit Tambun |
| | 23 | Seri Delima | Sungai Bakap | 24 | Air Putih | Bagan Jermal |
| | 30 | Pulau Betong | Berapit | 1 | Labour Day | |
| Mei | 7 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 8 | Dato Keramat | Bertam |
| | 14 | Pulau Tikus | Jawi | 15 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| | 21 | Wesak Day | | 22 | Kebun Bunga | Bukit Tengah |
| | 28 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal | 29 | Batu Uban | Machang Bubok |
| Jun | 4 | Yang di-Pertuan Agong's Bday | | 5 | | |
| | 11 | Komtar | Pmtg Berangan | 12 | Bagan Dalam | Sg Dua |
| | 18 | Air Itam | Teluk Air Tawar | 19 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 25 | Teluk Bahang | Penaga | 26 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |